. Pulau Ligitan

Pertikaian kawasan di atas diselesaikan oleh

A Mahkamah Jenayah Antarabangsa

B Mahkamah Keadilan Antarabangsa

C Majlis Keselamatan PBB

D Majlis Perhimpunan Agung PBB

10 Yang manakah **benar** tentang isu yang dibincangkan dalam Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ?

A Tuntutan Kepulauan Spratley

- B Pelaksanaan gencatan senjata di Asia Barat  
C Isu pemanasan global dan ekologi alam sekitar  
D Sekatan penghasilan senjata nuklear di Korea Utara
- 11 Sidang Kemuncak OIC Ke-10 di Putrajaya 2013 telah memersetujui
- I Mengadakan dialog antara budaya dan tamadun lain  
II Menghormati kedaulatan dan keutuhan wilayah semua negara  
III Meningkatkan penyertaan dalam pembuatan keputusan di peringkat antarabangsa  
IV Menimbangkan cadangan mengenai Aturan Pembayaran Perdagangan berasaskan emas
- A I dan II      B I dan IV      C II dan III      D III dan IV
- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Perbankan Islam</li><li>• Takaful Islam</li></ul> |
|---|
- 12 Pernyataan diatas merujuk kepada sumbangan Malaysia dalam
- A Kerjasama Selatan-Selatan  
B Kawawasan Pertumbuhan ASEAN Timur  
C Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik  
D Kumpulan Lapan Negara Membangun
- 13 Yang manakah peranan yang mengharumkan nama Malaysia di mata dunia?
- I Sebagai pengerusi Perhimpunan Agung PBB  
II Prestasi tentera Malaysia yang menyertai misi Pengaman PBB  
III Menjadi anggota tetap Majlis Keselamatan PBB  
IV Sebagai Setiausaha Agung PBB
- A I dan II      B I dan IV      C II dan III      D III dan IV

14

- Penubuhan Pusat Pertukaran Data Pelaburan Perdagangan dan Teknologi Selatan
- Sebagai pemikir untuk kerjasama Selatan-Selatan

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Kerjasama Ekonomi Asia - Pasifik  
 B Kumpulan Lima Belas  
 C Majlis Ekonomi dan Sosial  
 D Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN

	<b>Pertubuhan</b>		<b>Tujuan</b>
I	Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA)	P	Menggalakkan perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua benua
II	Kumpulan 15 (G15)	Q	Mewujudkan perdagangan bebas dan terbuka
III	Persidangan Asia Timur (EAS)	R	Mempromosi keamanan, kestabilan dan kemakmuran di Asia Timur
IV	Mesyuarat Asia Eropah (ASEM)	S	Menggalakkan kerjasama teknikal dalam kalangan negara anggota

15 Yang manakah padanan yang **betul** antara pertubuhan dan tujuannya?

	I	II	III	IV
A	Q	P	R	S
B	R	S	Q	P
C	Q	S	R	P
D	S	Q	P	R

**BAHAGIAN B [15 markah]**

*Jawab satu soalan sahaja dalam bahagian ini.*

16. Berdasarkan jadual di bawah, huraikan pola perubahan pelaburan langsung asing mengikut sektor dari tahun 2011 hingga tahun 2013. Huraikan kepentingan pelaburan asing kepada Malaysia


**MALAYSIA: PELABURAN LANGSUNG ASING MENGIKUT SEKTOR DARI TAHUN 2011 HINGGA TAHUN 2013**

<b>Tahun</b> <b>Sektor</b>	<b>Tahun 2011</b> <b>(RM juta)</b>	<b>Tahun 2012</b> <b>(RM juta)</b>	<b>Tahun 2013</b> <b>(RM juta)</b>
Pertanian, Perhutanan dan perikanan	21 527	21 029	22 229
Perlombongan dan kuari	73 133	83 916	93 410
Pembuatan	47 116	47 883	45 768
Pembinaan	2 820	3 993	4 782
Perkhidmatan	160 455	196 284	218 295

*(Disesuaikan daripada Jabatan Ekonomi Malaysia 2014)*

17. Berdasarkan maklumat dalam jadual di bawah, bandingkan nilai eksport Malaysia mengikut negara terpilih pada tahun 2015 dan tahun 2016. Jelaskan Langkah untuk meningkatkan nilai eksport Malaysia.

**MALAYSIA : NILAI EKSPORT NEGARA KE NEGARA-NEGARA TERPILIH PADA  
TAHUN 2015 DAN TAHUN 2016**



(Disesuaikan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, 2016)

**BAHAGIAN C [50 markah]**

Pilih **dua** daripada tajuk di bawah ini, dan tuliskan karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan. Calon hendaklah mengemukakan **lima** isi atau idea sahaja bagi karangan yang dihasilkan.

18. Kepentingan nasional antara faktor penentu dasar luar Negara Malaysia. Namun faktor-faktor lain juga diambil kira dalam menentukan dasar luar Negara. . Bincangkan.
19. Bekalan makanan dunia semakin berkurangan .Krisis ini telah meninggalkan kesan negatif kepada banyak negara Bincangkan.
20. Malaysia menghadapi pelbagai ancaman yang boleh menjejaskan keselamatan Negara. Pihak kerajaan perlu mengambil tindakan yang berkesan untuk mengatasinya. Bincangkan



**SKEMA PEPERIKSAAN PERCUBAAN PENGAJIAN AM 3(900/3), STPM 2020**  
**KOLEJ TING 6 TUN FATIMA H, MELAKA**

BHG A

1	A	2	C	3	D	4	C	5	A
6	C	7	B	8	B	9	B	10	C
11	B	12	D	13	A	14	B	15	C

**Jawapan Soalan 16****Pengenalan**

Jadual menunjukkan pola pelaburan asing (FDI) mengikut sektor di Malaysia dari tahun 2011 hingga 2013. Pelaburan asing mendatangkan banyak kepentingan kepada Malaysia.

Idea/Isi	Huraian Data
<b>A. Pola Perubahan</b> 1. Meningkatkan -Perlombongandan kuari - pembinaan - Perkhidmatan	Analisis data: Perlombongan dan kuari RM 73133 juta ( Tahun 2011) meningkat kepada RM 93410juta (tahun 2013), iaitu meningkat sebanyak RM 20277juta atau 27.73 %  Pembinaan RM2820 juta (tahun 2011) meningkat kepada RM4782 juta iaitu meningkat sebanyak RM1962juta atau 69.57 %  Perkhidmatan RM 160455 juta (tahun2011) meningkat kepada RM218295juta (tahun 2013), iaitu meningkat sebanyak RM57840juta atau 36.05 %
2. Tidak konsisten  Pertanian, perhutanan dan perikanan	Pertanian, Perhutanan dan perikanan RM 21527 juta (tahun 2011) merosot kepada RM21527juta (tahun 2012) turun sebanyak RM498juta atau 2.31 %, kemudian meningkat semula kepada RM 22229juta, peningkatan sebanyak RM1200juta atau 5.7 %

Pembuatan	RM47116(tahun 2011) meningkat kepada RM 47883 (tahun 2012), peningkatan sebanyak RM 1767juta atau 3.75 % .kemudian merosot kepada RM45768juta iaitu turun sebanyak RM3115juta atau 6.37 %
B. Kepentingan pelaburan Asing	- pertambahan pendapatan melalui duti eksport
4. Pertambahan pendapatan negara	- berlaku aliran wang masuk
5. Pemandahan teknologi	Pemindahan dan perkongsian maklumat teknologi moden dari negara luar dalam pelbagai sektor ekonomi
6. Meningkatkan peluang pekerjaan	-Meningkatkan peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor ekonomi dan perkhidmatan -mengurangkan kadar pengangguran
7. Pembangunan kawasan baru	Kawasan perindustrian baru akan dibuka yang lengkap dengan pelbagai prasarana.

**Kesimpulan**

Pelaburan asing merupakan sumber penting kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara.

**Jawapan soalan 17**

Pengenalan

Carta pai menunjukkan eksport Malaysia ke negara-negara terpilih pada tahun 2015 dan 2016.

**MALAYSIA : NILAI EKSPORT NEGARA KE NEGARA-NEGARA TERPILIH PADA  
TAHUN 2015 DAN TAHUN 2016**

Negara	Tahun 2015		Tahun 2016	
	Peratus( %)	Nilai (RM juta)	Peratus ( % )	Nilai ( RM juta )
Brazil	5	3060.85	7	2558.92
Jerman	32	19589.44	55	20105.80
Mexico	10	6121.70	19	6945.64
Paskitan	7	4285.19	12	4386.72
Australia	46	28159.82	7	2558.92
<b>JUMLAH</b>	<b>100</b>	<b>61217</b>	<b>100</b>	<b>36556</b>

bil	Isi	Huraian
-----	-----	---------

	A. Bandingan	
1	Jumlah Nilai eksport tahun 2015 lebih tinggi daripada tahun 2016	Jumlah eksport tahun 2015 ialah RM61217juta berbanding tahun 2016 yang berjumlah RM36556juta, berbeza sebanyak RM24661juta
2.	Nilai eksport Malaysia lebih tinggi tahun 2015 berbanding 2016 ke negara Brazil dan Australia	<p>Australia</p> <p>Eksport ke Australia pada tahun 2015 berjumlah RM28159.82juta lebih tinggi berbanding pada tahun 2016 yang bernilai RM2558.92juta , berbeza sebanyak RM25600.9juta</p> <p>Brazil</p> <p>Eksport ke brazil pada tahun 2015 bernilai RM3060.85juta lebih tinggi berbanding pada tahun 2016 yang bernilai RM2558.92juta</p> <p>Berbeza sebanyak RM501.93juta</p>
3	Nilai eksport Malaysia lebih rendah pada tahun 2015 berbanding 2016 adalah ke negara Jerman, Mexico dan Pakistan	<p>Jerman</p> <p>Eksport ke Jerman pada tahun 2015 bernilai RM19589.44juta lebih rendah berbanding tahun 2016 yang bernilai RM20105.8juta , berbeza sebanyak RM516.36juta</p> <p>Mexico</p> <p>Eksport ke Mexico pada tahun 2015 bernilai RM6121.7juta lebih rendah berbanding tahun 2016 yang bernilai RM6945.64juta . berbeza sebanyak RM3823.94juta</p> <p>Pakistan</p> <p>Eksport ke Pakistan pada tahun 2015 bernilai RM4285.19juta , lebih rendah berbanding tahun 2016 yang bernilai RM4386.72juta , berbeza sebanyak RM101.53juta</p>

4	Nilai eksport paling tinggi bagi tahun 2015 -Australia dan 2016 -Jerman  Nilai eksport paling rendah 2015- Brazil  2016 -Australia dan Brazil	Paling tinggi  2015 -Australia RM28159.82juta  2016 – Jerman – RM20105.8 juta  Paling rendah  2015 – Brazil – RM3060.85juta  2016 – Brazil, Australia – RM2558.92juta
	<b>B Langkah meningkatkan Nilai Eksport</b>	
5	Tingkatkan kualiti barangan keluaran negara	Kualiti barangan dan perkhidmatan perlu ditingkatkan setanding dengan kualiti barangan pesaing
6	Erat hubungan diplomatik	Hubungan baik akan luaskan pasaran barangan negara  Hubungan baik akan memudahkan kerjasama ekonomi
7	Harga barangan yang murah dan berdaya saing	-harga barangan dan perkhidmatan perlu boleh berdaya saing dengan pesaing
8	Meningkatkan aktiviti promosi	-Melalui media massa tempatan dan antarabangsa  -Menyertai ekspo perdagangan antarabangsa
9	Mempelbagaikan jenis barangan eksport	-Pelbagaikan barangan eksport yang dapat penuhi permintaan pasaran antarabangsa  -Pelbagai produk bernilai tambah dan teknologi tinggi

## Kesimpulan

Peningkatan eksport akan meningkatkan pendapatan negara. Oleh itu semua pihak hendaklah berusaha untuk meningkatkan eksport negara.

18. Kepentingan nasional antara faktor penentu dasar luar Negara Malaysia. Namun faktor-faktor lain juga diambil kira dalam menentukan dasar luar Negara. . Bincangkan.

**Pengenalan**

Kepentingan nasional diambil kira dalam menentukan dasar luar Malaysia, namun faktor-faktor lain juga tidak diabaikan dalam menentukan dasar luar negara.

Bil	Idea	Huraian
1	Kepentingan Nasional	Malaysia pengeluar komoditi utamaa seperti getah, kelapa sawit dan barangan pembuatan seperti elektronik  Perlu rakan dagang untuk memasakkan keluaran negara  Untuk elak ancaman luar
2	Faktor politik	Malaysia mengamalkan mengamalkan sistem demokrasi  Mengamalkan dasar berkecuali dan jalin hubungan baik dengan semua negara
3	Kepimpinan negara	Kepimpinan negara mempengaruhi Malaysia semasa buat keputusan dasar luar negara
4	Kedudukan geografi	Malaysia dikedudukan paling strategik, laluan perdagangan
5	Agama Islam	Menjalin hubungan baik dengan negara Islam  Malaysia menyertai dan aktif dalam OIC
6	Bekas Jajahan British / Faktor sejarah	Menjadi anggota Komanwel  Jalin hubungan erat dengan British dan negara Komanwel
7.	Piagam PBB	Berpegang teguh kepada prinsip PBB  Main peranan penting dalam PBB

**Kesimpulan**

Penentuan dasar luar Malaysia tidak hanya bergantung kepada faktor kepentingan nasional sahaja tetapi turut ditentukan oleh faktor-faktor lain.

19. Bekalan makanan dunia semakin berkurang .Krisis ini telah meninggalkan kesan negatif kepada banyak negara Bincangkan.

**Pengenalan**

Pengeluaran tanaman kontan seperti gandum, jagung dan beras merosot menyebabkan berlakunya krisis makanan. Krisis ini telah meninggalkan pelbagai kesan kepada banyak Negara.

Bil	Idea	Huraian
A	Faktor bekalan makanan berkurangan	
1	Bencana alam	Kemarau panjang, banjir dan letusan gunung berapi memusnahkan sumber makanan
2	Pencemaran	Pencemaran air, udara dan tanah
3	Tanah pertanian yang semakin berkurang	Banyak tanah untuk pertanian telah ditukar untuk kegunaan industri
4	Penggunaan teknologi konvensional	Kaedah pertanian secara tradisional menyebabkan hasil keluaran rendah
5	Perubahan iklim	Akibat pemanasan global menyebabkan banyak kawasan tanaman gandum menjadi kering kontang
B	Kesan Krisis Makanan	
6	Kesihatan terjejas	Kekurangan makanan menyebabkan mudah diserang penyakit  Menjejaskan tumbesaran kanak-kanak
7	Kebuluran	FAO melaporkan kekurangan makanan menyebabkan kebuluran seperti di negara Afrika
8.	Harga makanan melambung	Bekalan makanan gagal memenuhi permintaan menyebabkan peningkatan harga

**Kesimpulan**

Krisis makanan dunia telah meninggalkan banyak kesan negatif. Kerjasama antarabangsa amat penting untuk menanganinya

20. Malaysia menghadapi pelbagai ancaman yang boleh menjejaskan keselamatan Negara. Pihak kerajaan perlu mengambil tindakan yang berkesan untuk mengatasinya. Bincangkan

#### Pengenalan

Pelbagai ancaman dihadapi yang boleh menjejaskan keselamatan negara. Pihak kerajaan perlu bertindak dengan tegas untuk mengatasinya.

Bil	Idea	Huraian
A	Ancaman	
1	Pendatang asing	Membawa pelbagai penyakit berjangkit Gejala sosial meningkat
2	Ancaman Siber	Jenayah siber/ sebar maklumat palsu / fitnah
3	Puak pelampau	Kegiatan radikal/pengganas Menyebarkan fahaman keganasan
4	Dadah	Menjejaskan produktiviti rakyat Kejadian jenayah meningkat
B	Tindakan kerajaan	
5	Memperkasakan penguatkuasaan undang-undang	Hukuman yang berat, tempoh penjara yang lama, denda yang tinggi
6	Mengawal ketat pintu masuk antarabangsa, kawalan sempadan	Pemantauan berterusan disempadan dan pintu masuk Guna peralatan moden dan mencukupi
7.	Meningkatkan kecekapan pegawai penguatkuasa	Kursus untuk meningkatkan kecekapan petugas Latihan penggunaan peralatan canggih
8	Meningkatkan kerjasama politik dengan semua negara	Mengadakan dialog dengan negara lain Pertukaran maklumat
9.	Meningkatkan kesedaran rakyat melalui kempen	Kerajaan sebar maklumat melalui pelbagai media cetak dan elektronik

#### Kesimpulan

Malaysia menghadapi pelbagai ancaman yang boleh mengugat keselamatan negara. Pihak berkuasa perlu bertindak secara cekap dan berkesan untuk memastikan keselamatan negara sentiasa terjamin.

**SOALAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN PENGAJIAN AM 3(900/3), STPM 2020****SMK SERI TANJONG , MELAKA****BAHAGIAN A [15 markah]**

*Jawab semua soalan.*

1. Prinsip yang menjadi amalan Malaysia dalam melaksanakan dasar luar ialah

- I menghormati kedaulatan setiap negara
  - II mengutamakan kestabilan ekonomi serantau
  - III mengadakan hubungan tanpa mengira ideologi
  - IV meningkatkan kepentingan pertahanan dan ketenteraan
- A I dan II                      C II dan IV  
B I dan III                      D III dan IV

2. Yang manakah objektif dasar luar Malaysia?

- I menjamin kedaulatan negara
  - II menggalakkan kemasukan pelabur asing
  - III membantu penyelesaian masalah negara lain
  - IV menjamin kestabilan politik peringkat global
- A I dan II                      C II dan III  
B I dan IV                      D III dan IV

3. Tujuan Malaysia menganggotai ASEAN ialah

- A memperluas pasaran keluaran tempatan
- B memperoleh sumber tenaga buruh asing
- C meningkatkan kerjasama ekonomi dan sosial
- D menggalakkan perkongsian sumber ekonomi

- Berusaha untuk mengikis diskriminasi bangsa
- Berusaha untuk mempertahankan kedaulatan dan hak wilayah semua negara

4. Pernyataan di atas merujuk kepada usaha Malaysia dalam

- A Kerjasama Selatan-Selatan
- B Pertubuhan Kerjasama Islam
- C Pergerakan Negara-negara Berkecuali
- D Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara

5. Yang manakah benar tentang tujuan Malaysia mengadakan hubungan luar negara ?

- A Membuktikan Malaysia negara kuat dan berpengaruh agar tidak dijajah semula
- B Mengetengahkan keberanian dan kehebatan kepimpinan Malaysia di peringkat global
- C Mewujudkan kesepakatan dengan berlandaskan prinsip berkecuali dan keamanan dunia
- D Meningkatkan kerjasama ekonomi agar dapat bersaing dengan negara-negara maju



6. Yang manakah kes yang telah dirujuk oleh Malaysia ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa?
- A Pelarian Rohingya
  - B Pertindihan tuntutan Sabah
  - C Tuntutan Wilayah Batu Putih
  - D Pencerobohan tentera Sulu di Lahad Datu, Sabah
7. Tujuan penglibatan Malaysia dalam Kumpulan 15 adalah untuk
- A menjadi jurucakap negara membangun
  - B menjamin kestabilan politik peringkat global
  - C mengutamakan bantuan ekonomi kepada negara anggota
  - D meningkatkan perpaduan dalam kalangan negara membangun
8. Antara faedah penyertaan Malaysia dalam Protokol Madrid ialah
- A menjamin kelestarian alam sekitar
  - B melindungi produk jenama tempatan
  - C menggalakkan kemasukan pelabur asing
  - D meningkatkan kemajuan Industri Kecil dan Sederhana
9. Yang manakah isu yang dibincangkan oleh Malaysia dalam Persatuan Negara-negara Asia Tenggara?
- A Isu Palestin
  - B Kegiatan lanun
  - C Harga komoditi utama
  - D Penguatkuasaan hak harta intelektual
10. Yang manakah punca menjejaskan kerjasama ekonomi antara Malaysia dengan anggota ASEAN?
- I Kepentingan domestik
  - II Perbezaan ideologi pemerintahan
  - III Pengeluaran produk yang hampir sama
  - IV Ketidaksagaman peraturan perdagangan
- |             |              |
|-------------|--------------|
| A I dan II  | C II dan IV  |
| B I dan III | D III dan IV |
11. Penglibatan Malaysia dalam Pertubuhan Perdagangan Sedunia adalah untuk
- A menggalakkan pemindahan teknologi
  - B memperjuangkan pertumbuhan ekonomi
  - C memperjuangkan perkongsian modal dan kepakaran
  - D meningkatkan kerjasama pertukaran maklumat perdagangan
12. Yang manakah cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam usaha mengawal kegiatan pemerdagangan manusia?
- A Kelemahan maklumat risikan
  - B Keadaan geografi sempadan
  - C Kurang kerjasama negara-negara jiran
  - D Kesediaan rondaan pasukan keselamatan

- Memperkukuh jalinan kerjasama ekonomi dalam kalangan Negara-negara Selatan

13. Tindakan tersebut telah diambil oleh Malaysia melalui

- A meningkatkan pelaburan asing  
 B pembangunan segi tiga pertumbuhan  
 C perjanjian kawasan perdagangan bebas  
 D pertukaran data perdagangan, pelaburan dan teknologi selatan

14. Yang manakah kesan globalisasi dalam dunia pendidikan kepada Malaysia?

- I Memesatkan pengkomersilan pendidikan  
 II Bahasa Melayu akan dinaik taraf menjadi bahasa antarabangsa  
 III Pelajar tempatan menghadapi persaingan untuk melanjutkan pelajaran  
 IV Berlakunya pertukaran budaya antara pelajar tempatan dan antarabangsa  
 A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV

15. Yang manakah cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam usaha bersaing dengan persekitaran ekonomi global?

- A Saiz pasaran  
 B Tenaga kerja  
 C Kualiti produk  
 D Kestabilan politik

#### BAHAGIAN B [15 markah]

Jawab **satu** soalan sahaja dalam bahagian ini.

16. Berdasarkan maklumat dalam jadual di bawah, jelaskan perkembangan import Malaysia dari beberapa buah negara terpilih antara tahun 2015 dengan tahun 2018. Huraikan mengapa import Malaysia dari China paling ketara.

#### MALAYSIA: IMPORT DARI NEGARA-NEGARA TERPILIH ANTARA TAHUN 2015 DAN TAHUN 2018

Negara Terpilih	Nilai import (RM juta)	
	Tahun 2015	Tahun 2018
China	129 280	175 417
Amerika Syarikat	55344	64 947
Jepun	53 584	63 858
Singapura	82 195	103 071
Thailand	41 660	48 624

(Sumber: Jabatan Perangkaan dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia, 2020)

17. Berdasarkan maklumat dalam jadual di bawah, huraikan kadar pertumbuhan ekonomi mengikut negara dari tahun 2019 hingga tahun jangkaan 2021. Jelaskan usaha yang boleh dilakukan oleh Malaysia untuk memulihkan ekonomi negara.

**KADAR PERTUMBUHAN EKONOMI DI BEBERAPA BUAH NEGARA TERPILIH DARI TAHUN 2019 HINGGA JANGKAAN TAHUN 2021**

Negara	Kadar Pertumbuhan Ekonomi (%)		
	2019	2020	2021 (Jangkaan)
Brunei	3.9	1.6	3.1
Malaysia	4.3	-3.2	5.7
Singapura	0.7	-6.0	7.0
China	6.1	2.3	7.0
Filipina	5.9	-3.8	7.1

(Dipetik dan disesuaikan daripada <https://www.astroawani.com/berita>)

**Bahagian C [50 markah]**

*Jawab dua soalan sahaja. Tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan. Calon hendaklah mengemukakan lima isi atau idea sahaja bagi karangan yang dihasilkan.*

18. Peningkatan kes penyakit Covid-19 di seluruh dunia semakin membimbangkan. Bincangkan kesan penyakit baharu ini kepada masyarakat dan langkah kerajaan dalam usaha memutuskan rantaian Covid-19.

19. Malaysia telah mengamalkan dasar terbaik- baik dengan semua negara tanpa mengambil kira ideologi negara tersebut. Bincangkan faktor yang mempengaruhi Malaysia bertindak sedemikian.

20. Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) adalah penting kepada kebanyakan negara termasuk Malaysia. Namun, penguatkuasaan terhadap ZEE telah mendatangkan pelbagai masalah. Bincangkan.

**SKEMA PEPERIKSAAN PERCUBAAN PENGAJIAN AM 3(900/3), STPM 2020**

**SMK SERI TANJONG , MELAKA**

**Peraturan Pemarkahan Pengajian Am 3  
Peperiksaan Percubaan Semester 3, SMK SERI TANJONG MELAKA  
STPM 2020**

**BAHAGIAN A**

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15
B	B	C	C	C	C	D	B	B	B	B	B	D	B	C

16. Berdasarkan maklumat dalam jadual di bawah, jelaskan perkembangan import Malaysia dari beberapa buah negara terpilih antara tahun 2015 dengan tahun 2018. Huraikan mengapa import Malaysia dari China paling ketara.

**Pengenalan**

Hubungan dagangan yang baik antara Malaysia dengan rakan dagang membolehkan nilai import Malaysia dari negara-negara tersebut semakin meningkat.

<b>Idea</b>	<b>Huraian</b>
<b>A. PERKEMBANGAN</b> <b>1. meningkat</b> - semua negara, iaitu China, Singapura, Amerika Syarikat, Jepun dan Thailand - tahun 2015 dan tahun 2018  Idea lengkap = Idea 1 m Huraian data • pilih salah satu contoh lengkap 4 data = 2m	<p><b>China</b></p> - 2015: RM129 280 juta - 2018: RM175 417 juta - meningkat sebanyak RM46 137 juta @ 35.69%. <p><b>Singapura</b></p> - 2015: RM82 195 juta - 2018: RM103 071 juta - meningkat sebanyak RM20 876 juta @ 25.4%. <p><b>Amerika Syarikat</b></p> - 2015: RM55 344 juta - 2018: RM64 947 sebanyak RM9 603juta @ 17.35%. <p><b>Jepun</b></p> - 2015: RM53 584 juta - 2018: RM63 858 juta meningkat sebanyak RM10 274 juta @ 19.17%. <p><b>Thailand</b></p> - 2015: RM41 660 juta - 2018: RM48 624 juta meningkat sebanyak RM6 964 juta @ 16.72%.
<b>2. Kadar peningkatan paling besar</b> - China - tahun 2015 dan tahun 2018	<p><b>China</b></p> 2015: RM129 280 juta 2018: RM175 417 juta meningkat sebanyak RM46 137 juta @ 35.69%.
<b>3. Kadar peningkatan paling kecil</b> - Thailand - tahun 2015 dan tahun 2018	<p><b>Thailand</b></p> 2015: RM41 660 juta 2018: RM48 624 juta meningkat sebanyak RM6 964 juta @ 16.72%.
Idea 1-3 Jika maklumat idea lengkap = Idea 1 m Huraian data, lengkap 4 data = 2m data awal & data akhir (1M) beza data&% = 1m	
<b>B. Sebab import Malaysia dari China paling ketara</b>	

4. Terdapat pelbagai pilihan barangan 5. Harga murah 6. Kualiti barangan 7. Permintaan tinggi pengguna Malaysia 8. Cukai/duti import rendah 9. Hubungan dagangan yang baik
<b>mana-mana 2 idea A+ 2 idea B Idea-4 Huraian -8 Bahasa-1 Rumusan-2</b>

17. Berdasarkan maklumat dalam jadual di bawah, huraikan kadar pertumbuhan ekonomi mengikut negara dari tahun 2019 hingga tahun jangkaan 2021. Jelaskan usaha yang boleh dilakukan oleh Malaysia untuk memulihkan ekonomi negara.

<b>Idea</b>	<b>Huraian</b>	
<b>A. Perubahan</b>	<b>Brunei:</b>	<b>China:</b>
<b>1. Kadar pertumbuhan ekonomi tidak stabil, turun dan naik</b> - Brunei, China - Tahun 2019 hingga jangkaan tahun 2021	2019: 3.9% 2020: 1.6% 2021(jangkaan):3.1	2019: 6.1% 2020: 2.3% 2021(jangkaan):7.0
<b>2. Kadar pertumbuhan ekonomi sentiasa positif</b> -Brunei, China Tahun 2019 hingga jangkaan tahun 2021	<b>Brunei:</b> 2019: 3.9% 2020: 1.6% 2021(jangkaan):7.0	<b>China:</b> 2019: 6.1% 2020: 2.3% 2021(jangkaan):3.1
<b>3. Kadar pertumbuhan ekonomi negarif</b>  - Malaysia - Singapura - Filipina tahun 2020	Contoh:- <b>Malaysia :</b> tahun 2020 -3.2% <b>Singapura:</b> tahun 2020 -6.0 <b>Filipina:</b> tahun 2020 -3.8%  (Pilih salah satu sebagai contoh)	
<b>B. Bandingan</b>	<b>Paling tinggi:</b>	
<b>4. Kadar pertumbuhan ekonomi paling tinggi</b> (tahun 2019 & 2020): China (Jangkaan 2021)Filipina <b>Paling rendah</b> (tahun 2019) Singapura (tahun 2020 & jangkaan 2021)Brunei	tahun 2019: China 6.1% tahun 2020: China 2.3% tahun 2021(Jangkaan): Filipina 7.1% <b>Paling rendah:</b> tahun 2019: Singapura 0.7% tahun 2020: Brunei 1.6% tahun 2021(Jangkaan): Brunei 3.1%	
<b>mana-mana 2 idea dari A/B</b>		
<b>Idea langkah – 1m Huraian lengkap - 2m, huraian tidak lengkap/kurang tepat - 0m</b>		
<b>C. Usaha memulihkan ekonomi</b>		
5. Menggalakkan kemasukan pelaburan asing 6. Memberi bantuan pinjaman modal/kewangan 7. Dasar kerajaan 8. Mengurangkan import 9. Meningkatkan pengeluaran		

Pemarkahan Bahagian B	
Idea	4
Huraian	8
Bahasa	1
Rumusan	2
	15

Pemarkahan Bahagian C	
Idea	10
Huraian	10
Bahasa	4
Format	1
	25

**Bahagian C [50 markah]**

Jawab **dua** soalan sahaja. Tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan. Calon hendaklah mengemukakan **lima** isi atau idea sahaja bagi karangan yang dihasilkan.

18. Peningkatan kes penyakit Covid-19 di seluruh dunia semakin membimbangkan. Bincangkan kesan penyakit baharu ini kepada masyarakat dan langkah kerajaan dalam usaha memutuskan rantaian Covid-19.

BIL	IDEA	HURAIAN
1	a. Kesan kepada masyarakat menjejaskan kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PC-19 telah menular dengan cepat</li> <li>• Virus coronavirus COVID-9 mendatangkan komplikasi buruk terhadap organ paru2</li> <li>• Merosakkan organ paru2 dan sistem pernafasan pesakit.</li> <li>• Pesakit dimasukkan ke wad ICU dan terpaksa bergantung hidup kepada alat pernafasan. Nyawa terancam.</li> </ul>
2	menjejaskan pendapatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• banyak sektor terjejas terutamanya sektor pelancongan dan perhotelan</li> <li>• pekerja dari sektor terbabit hilang pendapatan ekoran sekatan pergerakan/perjalanan yang menggugat sektor pelancongan</li> <li>• Kadar pengangguran meningkat kerana pekerja syarikat akan diberhentikan bagi mengurangkan kos operasi dan margin kerugian syarikat</li> </ul>
3.	Kegiatan harian terganggu	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PC-19 merupakan sejenis penyakit bawaan udara yang dapat menular dengan cepat menerusi batuk dan bersin</li> <li>• Langkah kawalan dan pencegahan perlu ditingkatkan sehingga</li> <li>• Sekatan perjalanan dikenakan. Sempadan dan pintu masuk negara ditutup.</li> <li>• Banyak sektor ditutup atau bekerja dari rumah, termasuk sekolah, bank, dan kedai</li> <li>• Mendatangkan kesukaran kepada masyarakat. Kehidupan harian masyarakat terganggu. Banyak urusan harian tidak dapat dilakukan.</li> </ul>
4.	Perlu mengamalkan norma baharu	<ul style="list-style-type: none"> <li>• sentiasa memakai pelitup muka di tempat awam/bekerja</li> <li>• merupakan kos tambahan</li> <li>• sentiasa mencuci tangan dengan sabun/'sanitizer'</li> <li>• menjaga penjarakan fizikal</li> </ul>
5	menjejaskan hubungan kekeluargaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• anak /ahli keluarga di luar negara tidak dapat balik menziarahi ahli keluarga</li> <li>• ibu bapa/anak ketagih kasih sayang ahli keluarga rapat</li> <li>• sesetengah keluarga berlaku konflik akibat masa berada di rumah lebih panjang kerana norma baharu</li> </ul>

BIL	IDEA	HURAIAN
6	<b>b. Langkah kerajaan</b> menguatkuasakan prosedur operasi standard (SOP)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• mengisytiharkan perintah kawalan yang bersesuaian dengan situasi dan lokasi</li> <li>• masyarakat diwajibkan memakai pelitup muka di tempat awam</li> <li>• penjarakan fizikal dan Mysjejahtera diperkenalkan</li> </ul>
7	Kerjasama dengan negara lain	<ul style="list-style-type: none"> <li>• mendapatkan bantuan pakar luar negara</li> <li>• Kerjasama antara negara untuk menyelaraskan maklumat berkaitan rebakan penyakit</li> <li>• berusaha secara bersama menyediakan vaksin /pelalian untuk pencegahan rebakan</li> </ul>
8	menggiatkan kesedaran kempen	<ul style="list-style-type: none"> <li>• meningkatkan tahap kesedaran orang ramai tentang gejala penyakit Covid-19</li> <li>• menyampaikan maklumat tentang cara pencegahan dan SOP yang perlu dipatuhi</li> <li>• tidak berkongsi maklumat yang tidak ketahui kesahihannya untuk mengelakkan keadaan menjadi teruk</li> <li>• Majlis Keselamatan Negara sentiasa menghantar maklumat kepada semua pengguna telefon bimbit tentang perkembangan SOP dan penyakit ini</li> </ul>
9	Pemantau berterusan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• sentiasa membuat pemantauan dan penyeliaan ke premis perniagaan untuk memastikan SOP dipatuhi</li> <li>• kuarantin dikenakan kepada mereka yang ada kontak rapat dengan pesakit Covid-19 atau balik dari luar negara dan sebagainya</li> </ul>

[Kehendak soalan: mana-mana 3+2/2+3]

19. Malaysia telah mengamalkan dasar baik- baik dengan semua negara tanpa mengambil kira ideologi negara tersebut. Bincangkan faktor yang mempengaruhi Malaysia bertindak sedemikian.

BIL	IDEA	HURAIAN
1	<b>Faktor</b> Kepentingan Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Malaysia pengeluar komoditi utama, iaitu getah, sawit dan barangan pembuatan seperti barangan elektronik</li> <li>• Malaysia mengadakan hubungan baik dengan semua negara dan memperjuangkan prinsip perdagangan bebas dan pasaran terbuka.</li> <li>• Perlu rakan dagang untuk meluaskan pasaran dan menarik kemasukan pelaburan asing</li> </ul>
2	Faktor keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Malaysia ingin mengelakkan sebarang ancaman dari negara-negara luar.</li> <li>• Mengamalkan dasar berkecuali dan jalin hubungan baik dengan semua negara</li> </ul>
3	Wawasan pemimpin negara	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kepimpinan negara mempengaruhi Malaysia semasa buat keputusan dasar luar negara</li> <li>• Semua pemimpin negara mengamalkan dasar buka pintu</li> <li>• Mengadakan hubungan yang baik dengan semua negara</li> </ul>
4	Kedudukan geostrategik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Malaysia terletak di persimpangan Lautan Hindi dan Lautan Pasifik yang merupakan laluan perdagangan utama di rantau ini. Keadaan ini menarik minat kuasa-kuasa luar untuk menegakkan pengaruh masing-masing di sini.</li> <li>• Malaysia terletak di rantau Asia Tenggara yang mengalami ketidakstabilan politik sejak Perang Dunia Kedua</li> </ul>
5	Piagam Bangsa-bangsa Bersatu	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi sokongan kepada Piagam PBB</li> <li>• Membantu dan melindungi negara miskin dan lemah</li> <li>• Menjaga keamanan dunia</li> </ul>

BIL	IDEA	HURAIAN
6.	Faktor politik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengamalkan dasar berkecuali</li> <li>• Menyokong dasar kemanusiaan</li> <li>• Berkongsi maklumat/idea dengan pemimpin negara lain untuk membangunkan negara</li> </ul>
7.	Faktor sosial	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berkongsi maklumat pendidikan dengan negara luar</li> <li>• Meningkatkan kefahaman dan pengetahuan sains dan teknologi secara global</li> <li>• Kerjasama dalam isu kesihatan – mengatasi penyakit berjangkit</li> </ul>
8.	Keanggotaan dalam pertubuhan antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berpegang teguh kepada prinsip PBB</li> <li>• Main peranan penting dalam PBB</li> <li>• Bekas Jajahan British- terbaik-baik dengan semua negara Komanwel</li> <li>• Anggota OIC- hubungan baik dengan semua negara Islam</li> </ul>
9	Faktor sejarah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Negara kita telah mengalami pengalaman pahit apabila dijajah</li> <li>• Pengalaman tersebut membantu negara untuk merangka jenis perhubungan dengan negara luar.</li> <li>• Pada mulanya, negara tidak mengadakan hubungan dengan negara <i>komunis</i> seperti Rusia dan China kerana pada masa itu negara menghadapi ancaman komunis.</li> <li>• Selepas tahun 1970-an, negara kita mengadakan hubungan persahabatan dengan negara dari Blok Timur di bawah dasar berkecuali.</li> </ul>
10	Faktor Demografi sosial	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keadaan demografi negara yang mempunyai penduduk pelbagai kaum menyebabkan Malaysia menghormati hak asasi manusia dan menentang dasar diskriminasi seperti Dasar Apartheid.</li> <li>• Mengadakan hubungan dengan negara-negara Islam kerana majoriti penduduk di negara ini beragama Islam.</li> <li>• Hubungan dengan China dan India terjalin sejak dahulu kerana memiliki penduduk Cina dan India.</li> <li>• Malaysia mengamalkan prinsip perpaduan di peringkat domestik dan mengesyorkan agar prinsip perpaduan diamalkan di peringkat antarabangsa.</li> </ul>

[Kehendak soalan: mana-mana 5+0]



20. Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) adalah penting kepada kebanyakan negara termasuk Malaysia. Namun, penguatkuasaan terhadap ZEE telah mendatangkan pelbagai masalah. Bincangkan.

BIL	IDEA	HURAIAN
1	a. kepentingan Mengeksploitasi galian	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hak kepada negara eksploitasi kawasan cari gali minyak, dan gas asli</li> <li>Contoh: Meneroka kawasan luar pesisir pantai Terengganu dalam lingkungan 170 batu nautika yang terdapat minyak di situ.</li> <li>Hal ini membolehkan Malaysia menjadi pengeksport petroleum dan gas asli yang seterusnya dapat menjana pendapatan negara.</li> </ul>
2	Mengeksploitasi sumber marin/ sumber laut	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hak kepada Malaysia melakukan aktiviti perikanan di pesisir laut negara sehingga jarak 200 batu nautika.</li> <li>Memperoleh sumber protein yang lebih banyak untuk penduduk Malaysia dan negara ASEAN</li> <li>Keselamatan kepada nelayan negara dan kawalan keselamatan mudah dilakukan.</li> </ul>
3	Kawalan keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>ZEE membolehkan kawalan perairan negara ditentukandengan jelas</li> <li>Hal ini membolehkan kawalan keselamatan kawasan perairan negara dilakukan oleh pihak penguatkuasa</li> <li>Kawalan masalah perlanunan, nelayan haram, penyeludupan dan pencerobohan kawasan perairan negara.</li> </ul>
4	Eksplorasi untuk tujuan pelancongan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pualau-pulau yang terdapat dalam kawasan perairan negara dapat dibangunkan untuk tujuan menarik kedatangan pelancong</li> <li>Terdapat banyak pulau yang cantik seperti Pulau Redang, Pulau Tioman, dan pulau-pulau di Seporna Sabah. Kawasan ini menjadi tarikan pelancong yang seterusnya dapat menjana pendapatan negara</li> </ul>
5	b. Masalah Pertindihan / tuntutan pulau	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tuntutan kepulauan Sparty dan Paracel oleh beberapa negara seperti China, Filifina, Malaysia, Brunei dan Vietnam disebabkan oleh penguatkuasaan ZEE.</li> <li>Konflik ini masih berlarutan dan belum dapat diselesaikan sehingga kini.</li> <li>Kepulauan ini menjadi rebutan kerana kaya dengan sumber petroleum, gas asli dan hasil marin.</li> <li>Malaysia juga kehilangan Pulau batu Putih akibat penguatkuasaan ZEE.</li> </ul>
6	Pencerobohan Nelayan asing	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pencerobohan nelayan asing boleh menjejaskan pendapatan nelayan tempatan</li> <li>Penangkapan elayan asing terutama dari Thailand dan Vietnam boleh menjejaskan hubungan baik antara 2 buah negara yang berjiran</li> </ul>
7	Perlanunan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ancaman lanun di lautan menimbulkan masalah kepada nelayan dan kapal dagang.</li> <li>Masalah perlanunan boleh menyebabkan berlaku konflik dan salah faham antara negara berjiran.</li> </ul>

[Kehendak soalan: mana-mana 3+2/2+3]

**SOALAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN PENGAJIAN AM 3(900/3), STPM 2020**

**SMKDPT**

**Bahagian A**  
**[15 markah]**

*Jawab semua soalan.*

- 1 Dasar luar Malaysia dipengaruhi oleh
  - A objektif antarabangsa
  - B keadaan keselamatan serantau
  - C pegangan ideologi negara-negara serantau
  - D pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh Malaysia
  
- 2 Yang manakah merupakan objektif penubuhan ZOPFAN?
  - A Mewujudkan keamanan dengan kerjasama ketenteraan dengan kuasa besar
  - B Kawasan kawalan tentera berkecuali bagi menjamin kebebasan ASEAN
  - C Zon yang bebas daripada segala hubungan dengan kuasa Barat
  - D Asia Tenggara yang bebas, aman dan berkecuali

- 3 Padanan yang manakah benar tentang sumbangan Malaysia di peringkat serantau ?

	<i>Lokasi</i>	<i>Sumbangan Malaysia</i>
A	Myanmar	Menjadi moderator antara kerajaan dan pembangkang
B	Timur Leste	Menghantar tentera pengaman
C	Acheh	Menghantar bantuan kemanusiaan
D	Vietnam	Membantu melaksanakan pilihan raya.

- 4 Yang manakah berkaitan dengan penubuhan Zon Bebas Senjata Nuklear (SEANWFZ)?
  - I. Memiliki, meletak atau menggunakan senjata nuklear
  - II Negara kuasa besar tidak boleh menceroob kedaulatan negara ASEAN
  - III Menggunakan negara ASEAN sebagai pusat pengujian senjata nuklear
  - IV Kerjasama negara ASEAN dapat dikukuhkan tanpa campur tangan kuasa luar
  - A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

- 5 Padankan projek-projek usahasama ASEAN dengan negara-negara anggota untuk melaksanakan projek tersebut .

Projek		Negara	
I	Fabrikasi	P	Filipina
II	Vaksin Hepatitis	Q	Thailand
III	Perlombongan Garam Batu Soda	R	Singapura
IV	Baja Urea	S	Indonesia

	I	II	III	IV
A	P	Q	R	S
B	Q	P	S	R
C	S	R	P	Q
D	P	R	Q	S

- 6 Kepulauan Spratly menjadi rebutan banyak negara serantau kerana
- mempunyai lokasi terbaik untuk perdagangan
  - merupakan tempat yang sesuai untuk ujian senjata nuklear
  - memiliki bahan-bahan galian terutamanya minyak dan gas
  - mempunyai kedudukan yang strategik dari segi keperluan ketenteraan
- A I dan II  
 B I dan III  
 C II dan IV  
 D III dan IV
- 7 Yang manakah menunjukkan komitmen Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)?
- A Menjadi wakil khas PBB ke Iraq  
 B Menjadi ahli tetap Majlis Keselamatan PBB  
 C Mengerusi Majlis Perhimpunan Agung PBB  
 D Menerima pencalonan sebagai Setiausaha Agung PBB

8

- Mengurangkan ketidaksamaan dalam struktur ekonomi antarabangsa
- Menghapuskan jurang perbezaan antara negara-negara membangun dengan negara maju

Penyataan di atas merujuk kepada

- A Order Baru Ekonomi Dunia
- B Tabung Kewangan Antarabangsa
- C Pertubuhan Kerjasama Ekonomi Dan Pembangunan
- D Persidangan mengenai Kerjasama Ekonomi Antarabangsa

- 9 Yang manakah antara peristiwa berikut yang telah mengubah matlamat perjuangan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali?

- I Penubuhan pasaran tunggal masyarakat Eropah
- II Tamatnya era Perang Dingin antara kuasa-kuasa besar
- III Kejatuhan sistem pemerintahan Apartied di Afrika Selatan
- IV Kemasukan negara China dalam Pertubuhan Perdagangan Sedunia

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10

<i>Pertubuhan</i>	
P	Pertubuhan Bangsa – Bangsa Bersatu (PBB)
Q	Mesyuarat Asia dan Eropah (ASEM)
R	Kumpulan Lapan Negara Membangun (D-8)

<i>Fungsi</i>	
I	Meningkatkan kedudukan negara-negara Islam dalam ekonomi dunia
II	Memberi bantuan kemanusiaan kepada negara memerlukan
III	Kerjasama dalam bidang ekonomi, politik dan sosial antara dua benua

Yang manakah padanan yang betul antara pertubuhan dan fungsinya?

	<i>P</i>	<i>Q</i>	<i>R</i>
A	I	II	III
B	II	III	I
C	II	I	III
D	III	I	II

- Memperjuangkan sistem perdagangan pelbagai hala
- Menggalakkan perdagangan bebas dalam kalangan negara anggota

11

Penyataan di atas merujuk kepada

- I Kesatuan Eropah
- II Forum Serantau ASEAN
- III Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik
- IV Pertubuhan Pakatan Atlantik Utara

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

12 Yang manakah merupakan cabaran Malaysia dalam menangani masalah sosial dan budaya?

- A Pmerdagangan manusia
- B Pergolakan di Selatan Thailand
- C Pencerobohan pegganas Sulu
- D Pembekalan air mentah ke Singapura

13 Yang manakah benar tentang pendirian Malaysia dalam isu Palestin?

- I Mengiktiraf kerajaan pilihan rakyat Palestin
- II Menghulurkan bantuan ketenteraan kepada perjuangan rakyat Palestin
- III Menuntut Israel memulangkan Wilayah Palestin sepenuhnya kepada rakyat Palestin
- IV Menyokong Palestin menentang Israel dengan melancarkan serangan jika perlu

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

14 Yang manakah merujuk kepada kewajaran Malaysia mempromosi Sistem Kewangan Islam sebagai alternatif?

- I Dolar Amerika terlalu dominan menjejaskan kestabilan sistem kewangan antarabangsa
- II Selaras dengan kedudukan Malaysia sebagai negara Islam sederhana

- III Mewujudkan imej yang positif kepada negara-negara Islam
- IV Wujud krisis yang kerap dalam sistem ekonomi dunia

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15 Yang manakah pendirian Malaysia terhadap isu loji nuklear Iran?

- I Iran hendaklah melucutkan program nuklear tanpa syarat
- II Mencadangkan isu nuklear Iran diselesaikan tanpa penggunaan kekerasan
- III Agensi Tenaga Atom Antarabangsa PBB perlu membantu pembangunan Logi Nuklear Iran
- IV Iran perlu memberikan kerjasama terhadap pemantauan oleh pihak Agensi Pertubuhan Majlis Keselamatan

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

**SKEMA PEPERIKSAAN PERCUBAAN PENGAJIAN AM 3(900/3), STPM 2020****SMKDPT**

Bahagian A  
[15 markah]

**PENGAJIAN AM 3 (900/3) 2020****KUNCI JAWAPAN**

<i>NO. SOALAN</i>	<i>KUNCI JAWAPAN</i>
1	D
2	D
3	C
4	C
5	D
6	D
7	C
8	A
9	C
10	B
11	B
12	A
13	B
14	B
15	C

**Bahagian B: [15 markah]**

Jawab satu soalan sahaja.

16. Berdasarkan maklumat dalam jadual di bawah, nyatakan imbalan dagangan Malaysia mengikut negara pada tahun 2017 dan jelaskan mengapa Malaysia perlu rakan perdagangan.

**MALAYSIA : ARAH HALA PERDAGANGAN MENGIKUT NEGARA  
PADA TAHUN 2017**

Negara	Eksport (RM juta)	Import (RM juta)	Bersih (RM juta)
China	611,916	551,074	60,842
Singapura	90,239	58,546	31,693
Republik Korea	17,446	24,118	-6,672
Jepun	50,189	41,719	8,470
Amerika Syarikat	58,491	48,574	9,918
<b>JUMLAH</b>	<b>RM 828,281 Juta</b>	<b>RM 724, 031 Juta</b>	<b>104,250</b>

(Sumber : Dipetik dan disesuaikan daripada  
*Jabatan Perangkaan Malaysia, 2018* )

**SKEMA JAWAPAN:****Pengenalan :**

Jadual menunjukkan arah hala perdagangan mengikut negara pada tahun 2014.

BIL	ISI / IDEA	HURAIAN	MARKAH
A 1.	<b>IMBALAN DAGANGAN</b> Jumlah keseluruhan eksport melebihi import (Imbalan dagangan positif/ lebihan dagangan)	Eksport : RM828,281 juta Import : RM 724,031 juta Eksport melebihi import sebanyak RM104,250juta	Jumlah eksport dan import betul= 1m Perbezaan = 1m
2.	Nilai eksport melebihi import ( lebihan dagangan ) i. China ii. Singapura, iii. Jepun iv. Amerika Syarikat	<b>China :</b> Eksport : RM 611,916 juta Import : RM 555,074 juta Lebihan dagangan : RM 60,842 juta  <b>Singapura:</b> Eksport : RM 90,239 juta Import : RM 58,546 juta Lebihan dagangan : RM 31,692 juta	Jumlah eksport dan import betul= 1m Perbezaan = 1m




		<p><b>Jepun:</b> Eksport : RM 50,189 juta Import : RM 41,719 juta Lebih dagangan : RM 8,470 juta</p> <p><b>Amerika Syarikat:</b> Eksport : RM 58,491 juta Import : RM 48,5741 juta Lebih dagangan : RM 9,918 juta</p> <p><b>(Pilih mana-mana satu negara)</b></p>	
2.	<p>Nilai import melebihi nilai eksport/mengalami defisit/imbangan negative</p> <p>Republik Korea</p>	<p><b>Republik Korea</b></p> <p>Eksport: RM17,446 juta Import: RM24,118 juta Dagangan deficit: 6,672</p>	
<b>B.</b>	<b>SEBAB KEPERLUAN RAKAN DAGANG</b>		
3.	Meningkatkan pelaburan asing	<ul style="list-style-type: none"> <li>• rakan dagang yang banyak akan meningkatkan import dan eksport barangan</li> <li>• pendapatan meningkat/KDNK meningkat</li> <li>• keuntungan tukaran mata wang asing</li> <li>• sumber pendapatan akan membiayai kos pembangunan</li> </ul> <p style="text-align: right;">Negara</p>	
4.	Peluasan pasaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pasaran menjangkau sempadan</li> <li>• Pelbagai insentif diberi sebagai rakan dagang untuk pelaburan/pasaran</li> </ul>	
5.	Saling melengkapi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• bahan mentah dan barangan siap yang tidak terdapat disesebuah negara akan ditampung oleh negara lain melalui urusan perdagangan</li> <li>• bekalan beras Malaysia dari Thailand. Malaysia membekalkan petroleum kepada Thailand</li> </ul>	
6.	Berdaya Saing	<ul style="list-style-type: none"> <li>• untuk meningkatkan pasaran barangan di peringkat global, negara perlu mengeksport barangan berkualiti</li> <li>• teknologi moden digunakan dalam 32 ector pengeluaran untuk meningkatkan kualiti barangan</li> </ul>	
7.	Perkembangan Teknogi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• perkongsian teknologi dan kepakaran Bersama rakan dagang</li> <li>• menggalakkan produktiviti</li> <li>• meningkatkan kualiti produk</li> <li>• memesatkan perdagangan negara</li> </ul>	
6.	Mengatasi sekatan dagang dari negara kuasa besar ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• membolehkan barangan dagangan memasuki pasaran di sesebuah negara tanpa sekatan</li> </ul>	


**Skema jawapan : 2 + 2**

17. Berdasarkan maklumat dalam carta pai di bawah, nyatakan tentang hubung kait antara peratusan dan nilai eksport utama mengikut haluan bagi barangan pembuatan pada tahun 2013 dan tahun 2014. Nyatakan inisiatif Malaysia dalam meningkatkan nilai eksport pada masa akan datang.

**MALAYSIA : EKSPORT BARANGAN PEMBUATAN DARI NEGARA TERPILIH  
PADA TAHUN 2013 DAN TAHUN 2014**



Jumlah: RM 46 4340 juta



Jumlah: RM 49 8923 juta

(Disesuaikan daripada Laporan Ekonomi,  
Kementerian Kewangan,2017/2018)

Negara/Tahun	Tahun 2013		Tahun 2014	
	%	RM juta	%	RM juta
Jepun	12	55720.8	12	59870.76
Singapura	24	111441.6	24	119741.52
A.S	19	88224.6	20	99784.6
Kesatuan Eropah	20	92868	21	104773.83
China	25	116085	23	114752.29
<b>JUMLAH</b>		<b>464340</b>		<b>498923</b>

### SKEMA JAWAPAN

Pengenalan : Eksport barangan pembuatan antara penentu terhadap perkembangan ekonomi negara. Pelbagai usaha dan inisiatif dijalankan oleh kerajaan bagi meningkatkan eksport barangan ini secara global

#### A Hubungkait antara peratus dan nilai eksport barangan pembuatan

	Idea	Huraian
1	<p><b>A Hubungkait antara peratus dan nilai eksport barangan pembuatan di negara terpilih pada tahun 2013 dan 2014</b></p> <p>Peratus dan Nilai eksport meningkat</p> <p>i. Amerika Syarikat</p> <p>ii. Kesatuan Eropah</p> <p>(Nyatakan semua 2 negara)</p>	<p><b>• Amerika Syarikat</b></p> <p>Peratus</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- 2013 – 19%</li> <li>- 2014 – 20%</li> <li>- Nilai mutlak</li> <li>- 2013 – RM88,224.6 juta</li> <li>- 2014 – RM 99,784.6 juta</li> </ul> <p>Meningkat sebanyak RM 11,560 juta</p> <p>Peratus perubahan - 13.10 %</p> <p><b>Kesatuan Eropah</b></p> <p>Peratus</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- 2013 – 20 %</li> <li>- 2014 - 21 %</li> </ul> <p>Nilai Mutlak</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- 2013 – RM92868 juta</li> <li>- 2014 – RM 104773.83</li> </ul> <p>Meningkat sebanyak RM 11905.83 juta</p>

		<p>Peratus Perubahan 12.82%</p> <p><b>Nota: Calon wajib mencatatkan semua negara. tetapi untuk huraian calon hanya perlu mengemukakan satu negara sahaja.</b></p>
2	<p>Peratus dan nilai import menurun</p> <p>i. China</p>	<p><b>China:</b></p> <p>Peratus</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- 2013 - 25 %</li> <li>- 2014 - 23%</li> </ul> <p>Nilai Mutlak</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- 2013 – RM 116085 Juta</li> <li>- 2014 – RM 114752 juta</li> </ul> <p>Menurun sebanyak RM 1333 juta</p> <p>Peratus Perubahan – 1.14%</p>
3.	<p>Peratus konsisten dan nilai meningkat</p> <p>i. Jepun</p> <p>ii. Singapura</p>	<p><b>Jepun:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- 2013 – 12%</li> <li>- 2014 – 12 %</li> </ul> <p>Nilai Mutlak</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- 2013 – RM 55720.8 juta</li> <li>- 2014 – RM 59870.76 juta</li> </ul> <p>Meningkat sebanyak RM4149.96 juta</p> <p>Peratus perubahan - 7.44%</p> <p><b>Singapura:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- 2013 – 24%</li> <li>- 2014 – 24 %</li> </ul> <p>Nilai Mutlak</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- 2013 – RM 111441.6 juta</li> <li>- 2014 – RM 119741.52 juta</li> </ul> <p>Meningkat sebanyak RM8299.92 juta</p> <p>Peratus perubahan - 7.44%</p> <p><b>Nota: Calon wajib mencatatkan semua negara. tetapi untuk huraian calon hanya perlu mengemukakan satu negara sahaja.</b></p>

**B. Inisiatif Malaysia dalam meningkatkan nilai eksport pada masa akan datang.**

6.	Mempelbagaikan hasil keluaran negara Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kerajaan mengalakkan kepelbagaian produk di hasilkan oleh pengilang bagi menambah lagi pilihan kepada pengimport.</li> <li>- Tidak perlu lagi mengimport barangan kerana sudah ada pilihan di Malaysia.</li> <li>- Menyediakan insentif kepada pengilang yang mempelbagaikan produknya.</li> </ul>
7.	Meningkatkan kualiti barangan Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kualiti barangan tinggi akan meningkatkan permintaan barangan tempatan.</li> <li>- Kualiti barangan yang tinggi juga dapat dijual dengan harga yang tinggi.</li> <li>- Secara tidak langsung, eksport negara dapat ditingkatkan dan import akan dikurangkan.</li> </ul>
8.	Mengadakan kempen	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kerajaan mengadakan kempen untuk mempromosikan produk Malaysia.</li> <li>- Sentiasa memberikan produk yang terbaik dan berkualiti kepada pengguna.</li> <li>- Pengguna akan mengurangkan pembelian barangan import.</li> </ul>
9.	Mengadakan lebih banyak R&D.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- R &amp; D diberi keutamaan oleh kerajaan bagi mengurangkan importnya.</li> <li>- R&amp;D boleh meningkatkan produk Malaysia.</li> </ul>

Kesimpulannya, aliran dagangan yang memihak kepada Malaysia dapat membantu perkembangan ekonomi negara.

Penutup : Malaysia harus melaksanakan penyelidikan dan pembangunan untuk meningkatkan pengeluaran eksport pada masa akan datang

**Skema : 2 + 2**

**BAHAGIAN C: 50 MARKAH**

18. Hubungan yang terjalin antara Malaysia dengan negara lain di peringkat serantau dan antarabangsa adalah penting kepada pembangunan dan kesejahteraan negara ini. Bincangkan.

IDEA	HURAIAN
<b>Pengenalan</b>	<p>-Malaysia mempunyai dasar luar yang berkecuali menjalin hubungan dengan negara lain di peringkat serantau dan antarabangsa dengan semua negara walaupun berbeza pendapat dan idealogi</p> <p>-Malaysia memperoleh pelbagai kepentingan menjalinkan hubungan luar dengan negara-negara di peringkat serantau dan antarabangsa</p>
1. Menjana pendapatan /kerjasama ekonomi	<p>-meningkatkan peluang perdagangan ,pelaburan asing dan meluaskan pasaran barangan seperti ke negara ASEAN,Amerika Syarikat,Jepun dan Taiwan</p> <p>-meningkatkan pendapatan negara melalui tukaran wang asing di samping mengukuhkan ekonomi negara</p>
2. Pemindahan teknologi	<p>-kemasukan teknologi canggih dari negara maju seperti jepun dan amerika syarikat bagi meningkatkan daya produktiviti industri tempatan</p> <p>-meningkatkan kepakaran tempatan</p>
3. Sumber tenaga buruh	<p>-mendapat bekalan tenaga buruh asing yang murah dari indonesia ,bangladesh ,vietnam dan myanmar untuk mengatasi kekurangan pekerja di sektor pembinaan,perlandangan dan perkhidmatan (pembantu rumah)</p> <p>-pengusaha dapat mengurangkan kos dan mengoptimalkan keuntungan kerana pekerja asing sanggup menerima gaji yang rendah.</p> <p>-rakyat malaysia juga berpeluang berkerja di luar negara seperti di singapura dan brunei</p>
4. Keselamatan negara	<p>-hubungan baik bagi memastikan kemerdekaan kedaulatan dan keselamatan negara terjamin di erana antarabangsa</p> <p>-pendirian malaysia yang bebas dan berkecuali menghindarkan campur tangan kuasa besar dalam urusan</p>

	<p>pentadbiran serta politik negara</p> <p>-pengkongsian informasi risikan antara malaysia dan thailand tentang aspek keselamatan yang melibatkan kawasan sempadan bersama</p>
5. Imej negara yang baik di mata dunia	<p>-malaysia menjalin hubungan /kerjasama dengan negara luar</p> <p>-bencana alam seperti tsunam,tanah runtuh dan banjir besar mendapat bantuan kepakaran luar</p> <p>-mengantasi masalah berkaitan alam sekitar seperti pencemaran rentas sempadan</p>
6. Latihan dan pendidikan	<p>-pembangunan sumber manusia yang berpengetahuan tinggi dan kompeten,berinovasi dan kreatif</p> <p>-pendedahan latihan industri di luar negara diperluaskan bagi menjana pengalaman kerjaya bersifat global dan meningkatkan kebolehpasaran</p> <p>-peluang belajar dalam pelbagai bidang termasuk kedoktoran farmasi dan perigian di universiti terkemuka di seluruh dunia.</p>
7. Peluang pekerjaan	<p>-kemasukan firma luar dan pelaburan asing mewujudkan banyak peluang pekerjaan</p> <p>-jaringan usahasama antara pengusaha industri halal dalam kalangan negara islam menyediakan peluang pekerjaan berkualiti dan berupah tinggi</p> <p>-pertumbuhan industri IKS dan sektor lain hasil kerjasama dengan negara luar menawarkan peluang pekerjaan kepada penduduk Malaysia</p> <p>-Pertambahan permintaan terhadap produk tertentu meningkatkan import buruh untuk memenuhi permintaan</p>
8. Penyelidikan dan Pembangunan(P&P)	<p>-Petronas ,syarikat pengeluar minyak dan institusi penyelidikan negara islam mempergiatkan usaha P&amp;P dalam bidang tenaga alternatif seperti biofuel untuk menggantikan petroluem</p> <p>-aktiviti penyelidikan di Universiti menggabungkan kepakaran tempatan dan antarabangsa</p>

	-untuk agensi dalam dan luar negara di pergiatkan untuk membawa produk dan harta intelek hasil P&P IPT tempatan ke pasaran global
9. Penyelesaian masalah dalam negara	-wabak penyakit berbahaya seperti Japanese Encephalitis (JE),demam Cocksackie dan penyakit Sars mendapat bantuan kepakaran asing seperti Pakar Perubatan dari Atlanta,Amerika Syarikat untuk mendapat bantuan kepakaran asing
<b>Penutup</b>	-Malaysia mendapat banyak manfaat daripada hubungan baik yang dijalin dengan ASEAN dan negara-negara lain  -Disamping menjamin keselamatan dan mengekalkan kedaulatan negara, hubungan tersebut membantu Malaysia mendapat kepercayaan negara luar untuk mengadakan kerjasama dalam pelbagai bidang

19. Malaysia mendapat banyak manfaat sebagai anggota pertubuhan ASEAN. Huraikan.

IDEA	HURAIAN
<b>Pengenalan</b>	Keanggotaan Malaysia dalam ASEAN telah mewujudkan pelbagai kerjasama antara Malaysia dengan negara-negara jirannya. Kerjasama ini meliputi pelbagai bidang seterusnya memberi manfaat kepada Malaysia.
Manfaat 1. Ekonomi	-Malaysia memperoleh keuntungan dari segi perdagangan eksport dan importnya  -kerjasama ekonomi ASEAN  -projek-perindustrian yang melibatkan negara serantau  -keuntungan dalam sektor perdagangan (AFTA)
2. Keselamatan	-hubungan kerjasama polis peringkat ASEAN dalam menghapuskan jenayah bagi menjaga keselamatan dan ketenteraman dalam negara  -Malaysia seringkali mendapat kerjasama bagi memperoleh maklumat



	tentang kegiatan jenayah antarabangsa
3. Hubungan Diplomatik	-masalah antara negara diselesaikan melalui rundingan -membawa perlaburan asing
4. Budaya/kebudayaan	-meningkatkan kegiatan melalui pertukaran dan persembahan kebudayaan -persamaan budaya menjamin ikatan persaudaraan negara anggota
5. Bantuan	-bantuan kecemasan dapat disalurkan dalam keadaan memerlukan
6. Pendidikan	-peluang pendidikan melalui kerjasama pendidikan negara anggota -P&p dapat digiatkan dengan wujudnya kerjasama yang erat -membolehkan pertukaran pelajar untuk universiti terpilih
7. Sains dan teknologi	-memajukan teknologi dalam pelbagai bidang -bertukar-tukar maklumat dan hasil kajian -pemindahan teknologi
8. Kesihatan	-mencegah penyakit berjangkit melalui pengkongsian maklumat -kerjasama menjalankan kajian untuk menghasilkan vaksin
9. Meningkatkan mutu sukan negara	-penganjuran sukan peringkat pegawai /universiti -pertukaran idea-idea untuk pembangunan sukan peringkat serantau -perpaduan antara atlet dan rakyat dipupuk
10. Sumber tenaga manusia	-Kerjasama erat membolehkan moniliti pekerja dari luar dan dalam negara antara negara-negara ASEAN -berlaku pertukaran pekerja /bekalan buruh yang mahir dan tidak mahir -mempercepatkan proses pembangunan negara dan ekonomi
<b>Kesimpulan</b>	Kerjasama erat antara Malaysia dengan negara anggota ASEAN yang lain dapat memberikan kekuatan dalam menjamin kesejahteraan serantau

20. Penuliran wabak penyakit berjangkit akan menguji kesungguhan sesebuah negara untuk membuat persediaan pengawalan, namun kegagalanya akan mendatangkan kesan negatif kepada masyarakat dunia. Bincangkan

IDEA	HURAIAN
<b>Pengenalan</b>	<p>Wabak penyakit berjangkit perlu pengawalan diperingkat awal bagi mencegah wabak ini dari terus merebak</p> <p>Kegagalan pengawalan secara global akan menyebabkan wabak terus mengancam seluruh masyarakat dunia</p>
<p>A. Persediaan Pengawalan</p> <p>1. Kawalan dipintu sempadan masuk negara</p>	<p>-penuliran wabak penyakit berjangkit perlu persediaan pengawalan dilakukan dipintu sempadan negara untuk mengesan rebakannya.</p> <p>-Penggunaan alat pengimbas suhu badan perlu bagi pemeriksaan saringan kesihatan</p> <p>-pusat-pusat kuaratin perlu kepada mereka yang ada tanda-tanda penyakit</p>
<p>2. Mengadakan kerjasama antarabangsa</p>	<p>-Penuliran wabak penyakit boleh dikawal dengan cara mengadakan kerjasama antarabangsa</p> <p>-Kerjasama antara negara untuk menyelaraskan maklumat berkaitan rebakan penyakit</p> <p>-berusaha secara bersama menyediakan vaksin /pelalian untuk pencegahan rebakan</p>
<p>3. Meningkatkan kawalan kepada rakyat</p>	<p>-penuliran wabak penyakit boleh dikawal di peringkat awal dengan cara meningkatkan kawalan kepada rakyat</p> <p>-mencegah rakyat ini melawat negara yang ada rebakan virus dan berjangkit</p> <p>-mengeluarkan amaran perjalanan kepada rakyat negara ini</p>
<p>4. Meningkatkan pendidikan dan kesedaran</p>	<p>-penuliran wabak penyakit berjangkit boleh dikawal di peringkat awal melalui peningkatan dan kesedaran dalam kalangan penduduk</p> <p>-program pendidikan dilaksanakan bagi mempertingkatkan tahap kesedaran dan ketahanan orang ramai tentang tindakan awal mengesan dan mencegah rebakan virus daripada berjangkit</p> <p>-elak daripada penyebaran khabar angin yang boleh memburukkan keadaan.</p>

<p>B. Kesan-kesan negatif</p> <p>5. Menjejaskan kesihatan penduduk/rakyat</p>	<p>-Penularan wabak penyakit jika gagal dicegah akan menjejaskan kesihatan penduduk sesebuah negara</p> <p>-virus yang merebak boleh menyebabkan kadar kematian meningkat dan penderitaan yang dialami oleh penduduk sesebuah negara jangka masa panjang</p>
<p>6. Menjejaskan ekonomi negara</p>	<p>-Penularan wabak penyakit jika gagal dicegah akan menjejaskan ekonomisesebuah negara</p> <p>-Menjejaskan sektor ekonomi sesebuah negara terutama negara yang bergantung kepada sektor perlancongan</p> <p>-sumber pendapatan negara akan merosot kerana sektor perlancongan terjejas.</p>
<p>7. Meningkatkan kos penyelenggaraan sesebuah negara</p>	<p>-penularan wabak penyakit berjangkit jika gagal dicegah akan meningkatkan kos penyelenggaraan kesihatan sesebuah negara</p> <p>-kos perbelanjaan meningkat untuk aktiviti kawalan pencegahan virus,pengambilan tenaga pakar,meningkatkan jumlah kakitangan kesihatan dan kos kajian serta penyelidikan vaksin pencegahan virus berkaitan</p> <p>-kos pembinaan bilik tambahan dan bilik-bilik kuarantin dihospital perlu di tambah</p>
<p>8. Imej negara terjejas</p>	<p>-Penularan wabak penyakit berjangkit jika gagal dicegah akan menjejaskan imej sesebuah negara</p> <p>-nama baik negara terjejas kerana dianggap lambat bertindak dalam aspek pencegahan</p> <p>-gambaran kurang baik terhadap kawalan pihak berkuasa dipintu masuk perlabuhan ,lapangan terbang ,pintu sempadan negara berkaitan punca virus merebak</p> <p>-penyebaran virus berjangkit menggambarkan kelemahan tadbir urus negara berkenaan keran urusan negara luar terbatas.</p>
<p><b>Kesimpulan</b></p>	<p>-kawalan serangan wabak penyakit adalah tanggungjawab semua negara</p> <p>-kerjasama yang erat antara negara akan dapat menjalin hubungan diplomatik yang sedia terjalin dan keselamatan rakyat yang lebih terjamin.</p>

**SOALAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN PENGAJIAN AM 3(900/3), STPM 2020**  
**KOLEJ TING ENAM DESA MAHKOTA KUALA LUMPUR**

**Bahagian A [15 markah]**

*Jawab semua soalan.*

Malaysia menyokong dasar berkecuali dan terbaik-tanpa mengira ideologi.  
Malaysia mematuhi Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

- 1 Pernyataan di atas merujuk kepada
  - A Sejarah dan kepimpinan negara
  - B Geopolitik dan geostrategik
  - C Sistem politik dan keselamatan
  - D Prinsip negara dan undang-undang
  
- 2 Tindakan yang manakah menunjukkan dasar luar Malaysia mengambil berat keadaan politik serantau?
  - A Malaysia menyertai Misi Pengaman Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)
  - B Malaysia mengamalkan prinsip bebas dan berkecuali
  - C Malaysia menentang keras pendudukan Vietnam ke atas Kemboja
  - D Malaysia mengadakan kerjasama ekonomi dengan ASEAN
  
- 3 Yang manakah antara usaha penglibatan antarabangsa Malaysia dalam menangani isu pemanasan global?
  - I Mengambil bahagian dalam program antarabangsa Earth Hour
  - II Memutuskan hubungan dengan negara-negara yang meneroka kawasan Antartika
  - III Membincangkan isu pemanasan global di pelbagai peringkat dalam negara
  - IV Menghadiri persidangan Kyoto anjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D II dan IV
- 4 .Bagi menjamin keamanan dan kestabilan politik di rantau ini, Malaysia bersama negara ASEAN lain telah bekerjasama dalam
- I. Forum serantau ASEAN (ARF)
  - II. Perjanjian Perdagangan Bebas (AFTA)
  - III. Peraturan perdagangan istimewa ASEAN
  - IV. Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ)
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

Malaysia pernah menjadi tuan rumah dan pengerusinya.  
Aktif dalam mesyuarat-mesyuarat yang berlangsung di Colombo, New Delhi dan Luanda.

- 5 .Pernyataan di atas berkaitan dengan mesyuarat
- A Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM)
  - B Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)
  - C Kumpulan Lapan Negara Membangun (D-8)
  - D Pertubuhan Negara-negara Komanwel
- 6 .Penglibatan Malaysia dengan Negara Asia Timur lebih tertumpu kepada kerjasama dalam
- I. Perdagangan

- II. Keselamatan  
 III. Senjata nuklear  
 IV. Sumber manusia
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV

	Deklarasi		Isu yang dibincangkan
X	Deklarasi Langkawi	I	Memperkasa wanita
Y	Deklarasi Putrajaya	II	Alam sekitar
Z	Deklarasi Kuala Lumpur (NAM)	III	Hak asasi manusia

- 7 Yang manakah padanan yang benar tentang deklarasi dengan isu yang dibincangkan?

	X	Y	Z
A	I	II	III
B	I	III	II
C	II	III	I
D	II	I	III

- 8 Objektif Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) adalah
- I. Membaiki kualiti hidup di rantau Asia  
 II. Mengurangkan kemiskinan serta jurang pendapatan  
 III. Bersatu menghadapi masalah ekonomi antarabangsa  
 IV. Memperbanyakkan peluang pekerjaan di negara anggota

- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 9 Antara berikut yang manakah menunjukkan komitmen Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)
- I Menjadi wakil khas PBB ke Myanmar  
II Menjadi ahli tidak tetap Majlis Keselamatan PBB  
III Mempengerusikan Majlis Perhimpunan Agung PBB  
IV Menerima pencalonan sebagai Setiausaha Agung PBB
- A I dan II  
B I dan III  
C II dan IV  
D III dan IV
- 10 Yang manakah menunjukkan peranan Malaysia dalam D-8?
- I Mangalakkan perdagangan K-ekonomi  
II Mengadakan hubungan komunikasi melalui multimedia  
III Meningkatkan kerjasama kukuh dalam ekonomi  
IV Memajukan penggunaan sains dan teknologi dalam kalangan negara anggota
- A I dan II  
B I dan III  
C II dan IV  
D III dan IV

- 11 Isu Antartika telah dibangkitkan oleh pemimpin Malaysia di peringkat global adalah kerana
- I Antartika diancam pencemaran laut
  - II Bertentangan dengan konvokesyen Undang-Undang Laut Bangsa-bangsa Bersatu
  - III Mengelak Antartika dijadikan kawasan penempatan tentera
  - IV Menggalakkan negara barat menggunakan bahan mentah di Antartika
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 12 Antara berikut yang manakah bentuk kerjasama yang ingin dicapai melalui Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS)?
- I Mewujudkan blok perdagangan
  - II Merapatkan jurang kemiskinan
  - III Mengadakan zon pembangunan senjata pemusnah
  - IV Mengatasi keganasan, lanun dan keselamatan maritim
- A I dan II  
B I dan III  
C II dan IV  
D III dan IV
- 13 Yang manakah faktor pelarian Rohingnya menuju ke Malaysia?
- I Mempunyai keyakinan untuk menentang kaum Rakhine
  - II Memperjuangkan agama Islam untuk kemerdekaan
  - III Menghadapi ancaman nyawa dalam negara asal
  - IV Mengharapkan bantuan kemanusiaan



- A I dan II
- B II dan III
- C I dan IV
- D III dan IV

14 **Masalah di Gaza**

Yang manakah menunjukkan usaha kerajaan Malaysia dalam isu di atas?

- I Memperjuangkan keamanan dan keadilan
- II Memberi bantuan kewangan dan perubatan
- III Membuat perjanjian akan menjaga kebajikan masyarakat di Gaza
- IV Bersepakat dengan negara dunia pertama untuk membantu mangsa perang di Gaza

- A I dan II
- B II dan III
- C I dan IV
- D III dan IV

15 Punca ramai golongan muda terpengaruh menjadi keldai dadah adalah kerana


- I Sikap untuk mengikut perkembangan dunia
- II Sikap untuk mencuba menggunakan dadah
- III Sikap untuk dapatkan wang saku dengan cepat
- IV Sikap untuk melihat pelbagai negara

- A I dan II
- B II dan III
- C I dan IV
- D III dan IV

**Bahagian B** [15 markah]

Jawab **satu** soalan sahaja dalam bahagian ini.

16. Berdasarkan maklumat dalam graf di bawah, bandingkan penggunaan wang untuk pelbagai perbelanjaan antara pelajar Malaysia dengan pelajar-pelajar negara lain dalam minggu pertama tahun 2019. Mengapakah pelajar-pelajar dari luar negara berminat untuk melanjutkan pelajaran mereka di Malaysia.



(Sumber: pelbagai sumber tidak rasmi)

17. Berdasarkan maklumat dalam jadual di bawah, huraikan perubahan pola aduan yang diterima oleh sektor perkhidmatan awam mengikut jenis saluran bagi tempoh yang dinyatakan. Huraikan usaha bagi meningkatkan kualiti pegawai perkhidmatan awam.

**MALAYSIA: ADUAN PERKHIDMATAN AWAM YANG DITERIMA  
MENGKUT SEKTOR BAGI BULAN JANUARI 2018 DAN JANUARI 2019**

Sektor	Januari 2018		Januari 2019	
	Jenis Saluran (Kes)		Jenis Saluran (Kes)	
	Dalam Talian	Luar Talian	Dalam Talian	Luar Talian
Pendidikan	10	1	3	0
Pertanian	7	15	5	3
Sumber Manusia	40	9	20	1
Kewangan	9	2	0	0
Pertahanan	18	3	50	0
Kesihatan	17	1	30	7
Lain-lain	4	7	6	1
Jumlah	105	38	114	12

(Sumber: pelbagai sumber tidak rasmi)

**Bahagian C [50 markah]**

*Pilih dua daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.*

18. Ancaman senjata pemusnah besar-besaran (WMD) seperti senjata kimia, biologi, radioaktif dan nuklear oleh pihak tertentu telah mendatangkan pelbagai implikasi kepada negara dan masyarakat yang menjadi sasaran. Bincangkan.
  
19. Budaya inovasi perlu diterapkan dalam kalangan masyarakat pada hari ini. Malaysia telah melaksanakan pelbagai usaha bagi menyerlahkan bidang ini di peringkat antarabangsa. Bincangkan.
  
20. Fenomena global kenaikan harga barang mencabar keupayaan antarabangsa termasuk Malaysia untuk sekuriti makanan. Jelaskan faktor-faktor global yang mengancam sekuriti makanan dan langkah yang diambil Malaysia dalam menangani fenomena ini.

**SKEMA PEPERIKSAAN PERCUBAAN PENGAJIAN AM 3(900/3), STPM 2020**

**KOLEJ TING ENAM DESA MAHKOTA , KUALA LUMPUR**

**Bahagian A [15 markah]**

1	D	6	B	11	C
2	C	7	C	12	A
3	B	8	C	13	D
4	B	9	A	14	A
5	A	10	D	15	C

**Bahagian B [15 markah]**

16

<b>Pengenalan</b>		
Jadual menunjukkan aduan perkhidmatan awam yang diterima mengikut sektor bagi bulan Januari 2018 dan Januari 2019.		
<b>A. Pola perubahan kes</b>		
1.	Jumlah keseluruhan  - Kes dalam talian meningkat dan kes luar talian menurun	<p>Dalam talian</p> <p>Januari 2018 -105 kes</p> <p>Januari 2019 – 114 kes</p> <p>Peningkatan – 9 kes atau 8.57%</p> <p>Luar talian</p> <p>Januari 2018 -38 kes</p> <p>Januari 2019 – 12 kes</p> <p>Penurunan – 26 kes atau 68.42%</p>
2	Kes dalam talian dan luar talian kedua-duanya menurun  - Pendidikan - Pertanian - Sumber Manusia - Kewangan	<p>Pendidikan</p> <p>Dalam talian</p> <p>Januari 2018 -10 kes</p> <p>Januari 2019 – 3 kes</p> <p>Penurunan – 7 kes atau 70%</p> <p>Luar talian</p> <p>Januari 2018 -1 kes</p>

	<p>Januari 2019 – 0 kes Penurunan – 1 kes atau 100%</p> <p style="text-align: center;">ATAU</p> <p>Pertanian Dalam talian Januari 2018 -7 kes Januari 2019 – 5 kes Penurunan – 2 kes atau 28.57%</p> <p>Luar talian Januari 2018 -15 kes Januari 2019 – 3 kes Penurunan – 12 kes atau 80%</p> <p style="text-align: center;">ATAU</p> <p>Sumber Manusia Dalam talian Januari 2018 -40 kes Januari 2019 – 20 kes Penurunan – 20 kes atau 50%</p> <p>Luar talian</p>
--	--

		<p>Januari 2018 -9 kes</p> <p>Januari 2019 – 1 kes</p> <p>Penurunan – 8 kes atau 88.89%</p> <p style="text-align: center;">ATAU</p> <p>Kewangan</p> <p>Dalam talian</p> <p>Januari 2018 -9 kes</p> <p>Januari 2019 – 0 kes</p> <p>Penurunan – 9 kes atau 100%</p> <p>Luar talian</p> <p>Januari 2018 -2 kes</p> <p>Januari 2019 – 0 kes</p> <p>Penurunan – 2 kes atau 100%</p>
3	<p>Kes dalam talian meningkat dan luar talian kedua-duanya meningkat</p> <p>- Kesihatan</p>	<p>Dalam talian</p> <p>Januari 2018 -17 kes</p> <p>Januari 2019 – 30 kes</p> <p>Peningkatan – 13 kes atau 76.47%</p> <p>Luar talian</p> <p>Januari 2018 -1 kes</p>



		<p>Januari 2019 – 7 kes</p> <p>Peningkatan – 6 kes atau 600%</p>
4	<p>Kes dalam talian meningkat dan luar talian menurun</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pertahanan</li> <li>- Lain-lain</li> </ul>	<p>Pertahanan</p> <p>Dalam talian</p> <p>Januari 2018 -18 kes</p> <p>Januari 2019 – 50 kes</p> <p>Peningkatan – 32 kes atau 177.78%</p> <p>Luar talian</p> <p>Januari 2018 -3 kes</p> <p>Januari 2019 – 0 kes</p> <p>Penurunan – 3 kes atau 100%</p> <p style="text-align: center;">ATAU</p> <p>Lain-lain</p> <p>Dalam talian</p> <p>Januari 2018 -4 kes</p> <p>Januari 2019 – 6 kes</p> <p>Peningkatan – 2 kes atau 50%</p> <p>Luar talian</p> <p>Januari 2018 -7 kes</p>

		Januari 2019 – 1 kes Penurunan – 6 kes atau 85.71%
<b>B. Usaha meningkatkan kualiti pegawai perkhidmatan awam.</b>		
5	Motivasi kerja	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ganjaran dan peluang kenaikan pangkat</li> <li>• Suasana kerja yang kondusif</li> </ul>
6	Latihan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Secara berterusan</li> <li>• INTAN, e-pembelajaran</li> </ul>
7	Proses pemilihan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelbagai peringkat perlu dilalui pemohon</li> <li>• Pemilihan dibuat melalui ujian psikometrik, pengetahuan dan kemahira</li> </ul>
8	Perundangan dan penguatkuasaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Buat semakan terhadap kesesuaian undang-undang dari semasa ke semasa</li> <li>• Mengawal penyalahgunaan kuasa</li> </ul>
9	Pemantauan berterusan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kaedah petunjuk prestasi</li> <li>• Laporan pencapaian target</li> </ul>
10	Pendedahan luar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkongsian amalan-amalan terbaik</li> <li>• Lawaatan penanda aras</li> </ul>

**SKEMA 2A + 2B**

18. Ancaman senjata pemusnah besar-besaran (WMD) seperti senjata kimia, biologi, radioaktif dan nuklear oleh pihak tertentu telah mendatangkan pelbagai implikasi kepada negara dan masyarakat yang menjadi sasaran. Bincangkan.

**FORMAT JAWAPAN:**  $[5+0 = 3+2 / 2+3$  *KESAN KEPADA NEGARA DAN MASYARAKAT*]

Bil	Idea (Kesan kepada negara)	Huraian Isi
1	Memusnahkan landskap fizikal	<ul style="list-style-type: none"> <li>- penggunaan bom nuklear telah meranapkan struktur bangunan dan rumah dalam skala yang luas – penduduk hilang kemudahan dan tempat tinggal</li> <li>- Contoh: Peristiwa bom atom di Nagasaki dan Hiroshima</li> <li>- prasarana awam yang musnah – pentadbiran negara tidak terkawal dan terbantut akibat keputusan bekalan elektrik dan komunikasi.</li> </ul>
2	Menjejaskan kemajuan ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> <li>- sektor-sektor perladangan, perindustrian dan pelancongan akan terjejas – memberi kesan kepada pergerakan ekonomi negara terbabit</li> <li>- kesan radiasi yang tinggal – tenaga kerja melarikan diri – sektor ekonomi tidak berfungsi sempurna.</li> </ul>
3	Menjejaskan kualiti alam sekitar	<ul style="list-style-type: none"> <li>- agen virus disebarkan melalui air – sumber air tidak selamat digunakan dan berbahaya kepada nyawa.</li> <li>- penggunaan bahan kimia dalam senjata perang – mencemarkan udara sehingga pembunuhan melalui serangan pernafasan.</li> <li>- Contoh: Iraq menggunakan toksin pekat 19,000L dalam senjata tentera mereka.</li> </ul>
Bil	Idea (Kesan kepada Masyarakat)	Huraian Isi
1	Masalah kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- penyebaran virus menyebabkan masyarakat mengalami kesakitan yang kekal dan sukar sembuh</li> <li>- Contoh: Perang Iraq-Iran – penggunaan gas mustard memberi kesan teruk kepada sistem pembiakan lelaki dan perempuan.</li> </ul>

		- kesan penggunaan radioaktif dalam peperangan akan melahirkan generasi yang mengalami kecacatan fizikal atau tidak sempurna anggota.
2	Mengorbankan nyawa manusia	- penyebaran virus secara meluas dan senyap membolehkan kematian ke atas masyarakat - Contoh: Penyebaran virus anthrax melalui surat telah membunuh ramai orang awam. - penggunaan gas saraf boleh melumpuhkan dan merosakkan sistem saraf manusia – akibatnya kematian.
3	Menurunkan populasi penduduk	- kesan penggunaan gas kimia – kemandulan pada mangsa perang khususnya lelaki dan perempuan - pasangan yang menghidap penyakit kesan daripada radiasi - mengambil pendekatan tidak mampu melahirkan zuriat – takut kelahiran yang cacat anggota.

19. Budaya inovasi perlu diterapkan dalam kalangan masyarakat pada hari ini. Malaysia telah melaksanakan pelbagai usaha bagi menyerlahkan bidang ini di peringkat antarabangsa. Bincangkan.

BIL	IDEA / ISI	HURAIAN
A	KEPERLUAN MEMBUDAYAKAN INOVASI	
1	Malaysia menuju negara maju / ke arah negara berpendapatan tinggi	- Polisi kerajaan yang menggalakkan inovasi kerana wawasan negara ke arah negara maju - Perlu berubah menjadi negara pencipta bukan pengguna kerana dapat memberi nilai tambah kepada ekonomi negara - Lebih cekap dan berdaya maju
2	Sumber bumi semakin berkurangan	- Penderiaan sumber alam – tidak boleh diperbaharui - Terpaksa mencari alternatif baru bagi menampung pendapatan negara
3	Pengeluaran hasil pertanian tidak ekonomik	- Hasil pertanian bergantung kepada harga pasaran antara bangsa yang tidak stabil - Menghadapi masalah eksploitasi ekonomi negara maju – stok penimbal

4	Menghadapi persaingan dengan negara lain	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Perlu menyuntik amalan inovasi dan kreativiti dalam kegiatan ekonomi seiring dengan perkembangan teknologi</li> <li>- Perlu menonjol dengan menggunakan inovasi dan kreativiti agar dapat memberi kelebihan kerana kebanyakan keluaran industri adalah hampir sama</li> <li>- Menjadi nilai tambah atau kelebihan untuk bersaing dengan negara maju</li> <li>-</li> </ul>
B	USAHA	
1	Melibatkan diri dalam program antara bangsa	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengumpul idea peringkat global</li> <li>- Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dan Yayasan Inovasi dan Kesusahawanan Global menghadiri Festival Ideas di Brisbane, Australia</li> </ul>
2	Menganjurkan program dalam dan luar negara	<ul style="list-style-type: none"> <li>- menganjurkan “Jejak Inovasi” bagi mengumpul hasil inovasi rakyat pada 2012</li> <li>- menganjurkan forum yang dihadiri 50 buah negara</li> </ul>
3	Menyertai pertandingan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- menyertai “Asia Grassroot Innovation Design Competition” – terbuka kepada 15 buah negara Asia Pasifik mulai 2012</li> <li>- pemenang akan menerima sumbangan dana daripada institusi di Jepun</li> </ul>
4	Menyemai / mencungkil bakat muda	<ul style="list-style-type: none"> <li>- menganjurkan program bagi mengasah bakat inovasi kanak-kanak, cth: program YIM Kids Invent</li> </ul>
5	Mendapatkan pengiktirafan antara bangsa	<ul style="list-style-type: none"> <li>- setiap produk yang dihasilkan perlu mematuhi standard piawaian yang ditetapkan</li> <li>- pematuhan standard akan menyebabkan negara luar mempercayai produk buatan Malaysia dan diiktiraf sebagai produk yang bermutu</li> </ul>
6	Membina dan memperkukuh jenama Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Malaysia perlu membina jenama Malaysia sebagai sebuah produk yang bermutu dan boleh dipercayai</li> <li>- Kepercayaan negara luar akan memperkukuhkan lagi nama buatan Malaysia</li> </ul>

*Kehendak soalan : 2+3 @ 3+2*

20. Fenomena global kenaikan harga barang mencabar keupayaan antarabangsa termasuk Malaysia untuk sekuriti makanan. Jelaskan faktor-faktor global yang mengancam sekuriti makanan dan langkah yang diambil Malaysia dalam menangani fenomena ini.

### Pengenalan

Timbalan Ketua Pengarah FAO pada Mac 2011 mengeluarkan kenyataan bahawa Indeks Harga Makanan pada bulan Februari 2011 menunjukkan harga makanan dan barangan keperluan utama di seluruh dunia mengalami kenaikan untuk tempoh lapan bulan berturut-turut. Malaysia turut menerima kesan fenomena ini.

Ideia	Huraian
<b>BAHAGIAN A :</b> <b>FAKTOR GLOBAL</b> 1. Pemanasan global	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Cuaca buruk yang melanda negara pengeluar makanan menyebabkan peningkatan harga barangan termasuk daging, hasil tenusu, biji-bijian gula dan minyak masak.</li> <li>- Sebagai contoh, Rusia dan Kazakhstan mengalami musim kemarau yang panjang, manakala Australia dan India mengalami banjir yang luar biasa sehingga menjejaskan sebahagian bekalan makanan dunia.</li> </ul>
2. Peningkatan penduduk dunia	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Krisis makanan global juga berpunca daripada peningkatan penduduk melebihi peningkatan bekalan makanan.</li> <li>- Peningkatan penduduk dunia sebanyak empat peratus setahun melebihi kapasiti pengeluaran makanan yang hanya meningkat dua peratus setahun.</li> <li>- Pengedaran dan agihan makanan yang jelas terhad mengikut kemampuan sesebuah negara menambah rumit krisis ini.</li> </ul>
3. Kemelesetan ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengurangkan keupayaan mendapat bekalan makanan khususnya melibatkan barangan yang diimport menjejaskan bekalan makanan untuk agihan domestik.</li> <li>- Kawalan sumber oleh sesebuah negara juga menambah tekanan berlaku fenomena ini. Rusia telah melarang eksport gandum dan India mengah eksport bawang merah sehingga menyebabkan harga barangan berkenaan naik mendadak di seluruh dunia.</li> </ul>
<b>BAHAGIAN B :</b> <b>LANGKAH MALAYSIA</b> 4. Kawalan harga dan bekalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Akta kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kawalan Harga 1946 adalah bagi memastikan 12 jenis bahan makanan yang dikategorikan sebagai barangan kawalan mencukupi dan dijual pada harga munasabah.</li> <li>- Pada musim perayaan pula terdapat barangan tertentu menjadi barangan kawalan. Langkah ini telah menyebabkan harga barangan keperluan di negara ini masih lagi terendah berbanding negara ASEAN lain.</li> </ul>

	[Lihat sebelah]
	SULIT*
5. Kawalan import	- Dibenarkan import barangan makanan apabila berlaku kekurangan bekalan dalam negara. - Kadar import ini dikawal daripada berlebihan bagi melindungi industri pertanian domestik agar terus berdaya maju. - Kaedah ini telah membantu mengekalkan bekalan dan kawalan harga daripada mendadak dan menimbulkan krisis. Kawalan juga dapat merangsang pertumbuhan sektor pertanian negara.
6. Kawalan pembelian panik	- Malaysia mengambil berat tentang perlakuan pembelian panik, menyorok barangan dan penyeludupan. - Menghalang perlakuan dan aktiviti ini secara tidak langsung dapat mengelak bekalan makanan berkurangan secara mendadak. Situasi pembelian panik perlu dikawal bagi mengelakkan krisis harga makanan berlaku.
7. Memperkasa sektor pertanian	- Dasar kerajaan meningkatkan pelaburan dan R&D dalam bidang pertanian akan meningkatkan lagi keupayaan sekuriti makanan negara. - Slogan 'Pertanian adalah Perniagaan' bagi menarik penglibatan masyarakat khususnya golongan yang berpendidikan dan professional menceburi bidang pertanian.

#### Kesimpulan

Kesimpulannya, keupayaan negara mengawal stok makanan, pengagihan dan memastikan sumber bekalan makanan sentiasa mencukupi telah mengelak negara ini dari dilanda krisis kenaikan harga yang serius. Faktor-faktor di luar kawalan memerlukan kerjasama antara negara.

**Skema : 3A+2B / 2A +3B**

**SOALAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN PENGAJIAN AM 3(900/3), STPM 2020****KEDAH****Bahagian A [15 markah]**

Jawab semua soalan.

1. • Dasar yang boleh dipercayai, menyedarkan, konsisten dan koheren

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A objektif dasar luar Malaysia.
- B kepentingan dasar luar Malaysia.
- C ciri-ciri penentu dasar luar Malaysia.
- D faktor-faktor penentu dasar luar Malaysia.

2. Yang manakah faktor yang menentukan dasar luar Malaysia?

- I keselamatan
- II kesihatan
- III pengaruh
- IV ekonomi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

3. Malaysia menunjukkan komitmen mencegah dan menangani ancaman penyakit zoonosis melalui

- A Mesyuarat Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN.
- B Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN mengenai Tenaga.
- C Mesyuarat Peringkat Menteri ASEAN mengenai Galian.
- D Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN mengenai Perhutanan.

4. Yang manakah tindakan Malaysia dalam menangani isu jerebu dengan Indonesia?

- A Mengadakan tunjuk perasaan sebagai bantahan
- B Menghantar nota diplomatik kepada Indonesia
- C Menuntut ganti rugi daripada Indonesia
- D Menghantar pasukan bomba

5. • Mempererat kerjasama ekonomi  
• Menggalakkan perdagangan antara dua benua

\*\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

[Lihat sebelah]



Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Mesyuarat Asia-Eropah.
- B Order Baru Ekonomi Dunia.
- C Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik.
- D Perundingan Ekonomi Asia Timur.

6. Memberikan komitmen untuk menghadkan atau mengurangkan kadar pelepasan gas rumah hijau

Komitmen Malaysia dalam pernyataan di atas merujuk kepada

- I Protokol Kyoto
- II Perjanjian Paris
- III Protokol Montreal
- IV Protokol Cartagena

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

7. Yang manakah merupakan penyertaan Malaysia dalam bidang sosial dan kebudayaan di peringkat serantau?

- I Pertukaran berita dan penyiaran
- II Pusat Pendidikan Serantau Sains dan Matematik
- III Pusat Kajian Bahasa Inggeris
- IV Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa Malaysia (ISIS)

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

8.
  - Menghentikan import klorofluorokarbon
  - Mengurangkan import hidroklorofluorokarbon

Malaysia mengambil tindakan di atas selaras dengan

- A Protokol Kyoto.
- B Persidangan Rio.
- C Protokol Montreal.
- D Persidangan Johannesburg.

9.
  - Menghapuskan jurang perbezaan ekonomi
  - Membetulkan ketidaksamaan dalam struktur ekonomi antarabangsa

Pernyataan di atas merujuk kepada penglibatan Malaysia dalam

- A Dialog Utara-Selatan.
- B Mesyuarat Asia-Eropah.
- C Kerjasama Selatan-Selatan.
- D Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik.

10. Perkongsian pintar Malaysia dengan negara-negara membangun

Pernyataan di atas merujuk kepada penglibatan Malaysia dalam

- A Dialog Utara-Selatan.
- B Mesyuarat Asia-Eropah.
- C Dialog Antarabangsa Langkawi.
- D Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Sosial

11.
  - Memajukan taraf hidup rakyat
  - Membasmi buta huruf

Pernyataan di atas merujuk kepada penglibatan Malaysia dalam

- A Kumpulan Lapan Negara Membangun.
- B Dialog Antarabangsa Langkawi.
- C Suruhanjaya Selatan-Selatan.
- D Pertubuhan Komanwel.

12. Yang manakah kesan yang dihadapi oleh Malaysia dalam menguruskan orang tidak bernegara?

- I Peluang pekerjaan
- II Hak asasi manusia
- III Beban kewangan kerajaan
- IV Risiko keselamatan dalam negara

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

13. Yang manakah masalah yang timbul antara Malaysia dengan Filipina?

- I Perairan Ambalat
- II Penyeludupan beras
- III Pendatang tanpa izin
- IV Pertikaian Pulau Terumbu Peninjau


- A I dan II
- B II dan III
- C I dan IV

- D III dan IV
14. Yang manakah cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dan negara-negara jiran?
- A Kemiskinan
  - B Tenaga kerja
  - C Kualiti alam sekitar
  - D Kawasan pembangunan yang terhad
15. Yang manakah cabaran yang dihadapi oleh di Malaysia untuk mencapai pendidikan bertaraf dunia?
- A Sekolah pelbagai aliran
  - B Penambahbaikan kurikulum
  - C Penghijrahan murid yang berkualiti
  - D Dominasi jantina dalam profesion perguruan

## Bahagian B [15 markah]

Jawab **satu** soalan sahaja.

16. Berdasarkan maklumat graf di bawah, **bandingkan** kedudukan permohonan jenis harta intelek antara Malaysia dengan negara-negara dunia terpilih. Mengapakah harta intelek **penting** kepada pembangunan negara Malaysia?  
[15]



17. Berdasarkan maklumat dalam jadual di bawah, **huraikan aliran** dagangan Malaysia dengan negara terpilih pada bulan Januari 2020. **Jelaskan langkah-langkah** yang perlu diambil oleh Malaysia bagi mengurangkan kebergantungan terhadap import produk pertanian. [15]

MALAYSIA: PEMBAHAGIAN EKSPORT DAN IMPORT MENGIKUT NEGARA TERPILIH PADA BULAN JANUARI 2020.

Negara	Pembahagian eksport dan import				Aliran dagangan (RM bilion)
	Peratus sumbangan dagangan (%)		Nilai dagangan (RM bilion)		
	Eksport	Import	Eksport	Import	
Taiwan	3.5	6.4	2.94	4.61	-1.67
Hong Kong	6.6	1.7	5.55	1.23	4.32
Jepun	7.8	6.4	6.56	4.61	1.95
China	12.4	2.2	10.43	16.01	-5.58
Korea Selatan	4.1	22.2	3.45	3.46	-0.01
Jumlah	34.4	38.9	28.93	29.92	-0.99

Sumber: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Malaysia Januari 2020,

Ishatan Perangkaan Malaisia

*Bahagian C*

Pilih **dua** daripada tajuk di bawah dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.

18. Wawasan pemimpin merupakan antara faktor penentu dasar luar Malaysia. Namun, faktor- faktor penentu yang lain juga mempengaruhi dasar luar Malaysia.

Bincangkan.

[25]

19. Masalah buruh kanak-kanak yang berlaku di seluruh dunia berpunca daripada pelbagai faktor. Malaysia juga perlu mengambil beberapa langkah bagi menangani masalah tersebut. Bincangkan.

[25]

20. Pencemaran laut rentas sempadan masih terus berlaku walaupun Malaysia telah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk membanteras isu ini. Bincangkan.

[25]

## SKEMA PEPERIKSAAN PERCUBAAN PENGAJIAN AM 3(900/3), STPM 2020

### KEDAH


BHG A

1	C	2	B	3	A	4	B	5	A
6	A	7	A	8	C	9	C	10	C
11	A	12	D	13	D	14	B	15	D

#### BAHAGIAN B

Soalan 16

Berdasarkan maklumat graf di bawah, bandingkan kedudukan permohonan jenis harta intelek antara Malaysia dengan negara-negara dunia terpilih. Mengapakah harta intelek penting kepada pembangunan negara Malaysia?



SKEMA JAWAPAN:  
SOALAN 16

MALAYSIA:KEDUDUKAN PERMOHONAN JENIS HARTA INTELEK ANTARA  
MALAYSIA DENGAN NEGARA-NEGARA DUNIA TERPILIH PADA TAHUN 2016

Negara	Permohonan Paten	Permohonan Cap Dagangan	Permohonan Reka Bentuk Perindustrian
Jepun	1494	2407	311
Amerika Syarikat	1607	3572	170
Malaysia	1219	18 527	701
Jerman	428	1236	100

Bil	Idea	Huraian
1	Malaysia berada pada kedudukan pertama berbanding negara-negara lain  -permohonan Cap Dagangan -permohonan Reka Bentuk Perindustrian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Permohonan cap dagangan</li> <li>• Malaysia:18 527 permohonan</li> <li>• Amerika Syarikat:3572 permohonan</li> <li>• Jepun:2407 permohonan</li> <li>• Jerman:1236 permohonan</li>   <li>• PermohonanRekaBentukPerindustrian</li> <li>• Malaysia:701 permohonan</li> <li>• Jepun:311 permohonan</li> <li>• Amerika Syarikat:170</li> <li>• Jerman:66 permohonan</li> </ul>
2	Malaysia berada pada kedudukan ketiga berbanding negara-negara lain  -permohonan Paten	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Amerika Syarikat:1607 permohonan</li> <li>• Jepun:1494 permohonan</li> <li>• Malaysia:1219 permohonan</li> <li>• Jerman:428 permohonan</li> </ul>
3	Meningkatkan usaha penghasilan harta intelek	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengurusan penyelidikan dan inovasi serta pembangunan yang lebih efektif denganperolehan harta intelek asing dalam bidang keutamaan tertentu.</li> <li>• Meningkatkan kesedaran masyarakat awam serta mewujudkan masyarakat yang inovatif.</li> <li>• Memperoleh cap dagangan.</li> <li>• Tanpa perlindungan hasil boleh ditiru dan diperdagangkan oleh sesiapa sahaja tanpa perlu melabur dari segi kewangan dan masa.</li> </ul>

\*\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

[Lihat sebelah]



4	Menggalakkan kemasukan pelaburan langsung asing (FDI)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Harta intelek merupakan salah satu komponen penting dalam pembangunan ekonomi.</li> <li>• Penghasilan harta intelek yang berterusan dari semasa ke semasa akan meningkatkan aktiviti pelaburan dan perdagangan</li> <li>• Pelabur asing meningkat kerana kepercayaan tentang perlindungan harta intelek.</li> </ul>
5	Meningkatkan tahap inovasi dan ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempengaruhi pelaburan dari luar terutamanya untuk bidang perniagaan yang berasaskan pengetahuan.</li> <li>• Kesedaran tinggi akan merangsang budaya kreativiti, penciptaan dan inovasi.</li> <li>• Menjadi pendorong utama kepada pereka cipta bagi menggalakkan perdagangan antarabangsa.</li> </ul>
6	Manfaat komersial harta intelek	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Harga intelek diperlukan untuk pembangunan industri yang giat dan penting bagi menjana pertumbuhan ekonomi.</li> <li>• Memberi kelebihan saingan yang lebih baik dan dalam jangka masa yang lebih panjang untuk mengeksploitasi harta intelek,</li> <li>• Dicipta dan memperoleh pulangan daripada daya usaha dan pelaburan penyelidikan.</li> <li>• Penyelidik digalakkan untuk membangunkan harta intelek dan mencipta sesuatu yang baharu.</li> </ul>
7	Meningkatkan daya saing negara.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengukuhkan daya saing jangka panjang negara dengan membangunkan industri harta intelek.</li> <li>• Harta intelek sebagai enjin pertumbuhan ekonomi baharu dengan cara memperluas kapasiti Malaysia untuk meningkatkan penghasilan.</li> </ul>

**SOALAN 17**

Berdasarkan maklumat dalam jadual di bawah, huraikan aliran dagangan Malaysia dengan negara terpilih pada bulan Januari 2020. Jelaskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh Malaysia bagi mengurangkan kebergantungan terhadap import produk pertanian.

**MALAYSIA: PEMBAHAGIAN EKSPORT DAN IMPORT MENGIKUT NEGARA TERPILIH PADA BULAN JANUARI 2020.**

Negara	Pembahagian eksport dan import				
	Peratus sumbangan dagangan (%)		Nilai dagangan (RM bilion)		Aliran dagangan (RM bilion)
	Eksport	Import	Eksport	Import	
Taiwan	3.5	6.4	2.94	4.61	-1.67
Hong Kong	6.6	1.7	5.55	1.23	4.32
Jepun	7.8	6.4	6.56	4.61	1.95
China	12.4	2.2	10.43	16.01	-5.58
Korea Selatan	4.1	22.2	3.45	3.46	-0.01
Jumlah	34.4	38.9	28.93	29.92	-0.99

Sumber: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Malaysia Januari 2020,  
Jabatan Perangkaan Malaysia.

## Pendahuluan

Jadual menunjukkan pembahagian import dan eksport Malaysia mengikut negara terpilih pada bulan Januari 2020 serta nilai aliran dagangannya.

Bil	Idea	Huraian
1	<p><b>Idea</b></p> <p>Lebih dagangan/ aliran dagangan positif: Hong Kong Jepun</p> <p>*mesti nyatakan Hong Kong dan Jepun</p>	<p>Hong Kong Nilai eksport = RM5.55 bilion Nilai import = RM1.23 bilion Lebih dagangan = RM4.32 bilion</p> <p>Jepun Nilai eksport = RM6.56 bilion Nilai import = RM4.61 bilion Lebih dagangan = RM1.95 bilion</p> <p>*Pilih satu negara untuk dihuraikan.</p>
2	<p>Defisit/ aliran dagangan negatif: Taiwan China Korea Selatan</p> <p>*mesti nyatakan Taiwan, China dan Korea Selatan</p>	<p><b>Taiwan</b> Nilai eksport = RM2.94 bilion Nilai import = RM4.61 bilion Defisit = RM1.67 bilion</p> <p>China Nilai eksport = RM10.43 bilion Nilai import = RM16.01 bilion Defisit = RM5.58 bilion</p>

\*\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan tamat

[Lihat sebelah]

		<p><b>Korea Selatan</b>          Nilai eksport = RM3.45 bilion          Nilai import = RM3.46 bilion          Defisit = RM0.01 bilion</p> <p>*Pilih mana-mana satu negara untuk huraian.</p>
3	Jumlah keseluruhan mencatatkan defisit/ aliran dagangan negatif	Jumlah nilai eksport = RM28.93 bilion Jumlah import = RM29.92 bilion Defisit = RM0.99 bilion
4	<p><b>Langkah mengurangkan kebergantungan import</b></p> <p>Meningkatkan pengeluaran makanan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memfokuskan aktiviti pertanian yang untuk menghasilkan pelbagai makanan.</li> <li>• Mengutamakan keperluan negara sebelum mengekspor produk makanan.</li> </ul>
5	Mentransformasikan industri pertanian negara	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perubahan pertanian tradisional kepada pertanian moden.</li> <li>• Mempelbagaikan teknologi dalam industri pertanian.</li> </ul>
6	Pelaksanaan skim galakan kerajaan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mewujudkan skim bantuan kewangan baharu dalam pertanian.</li> <li>• Bantuan teknikal dan khidmat nasihat kepada petani.</li> <li>• Memperkenalkan bidang-bidang baharu pertanian</li> </ul>
7	Meningkatkan penyelidikan dan pembangunan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyelidikan tentang baka baharu pertanian dan penternakan.</li> <li>• Membangunkan kejuruteraan genetik dalam pertanian.</li> </ul>
8	Mengoptimumkan peranan agensi-agensi kerajaan berkaitan pertanian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Agensi kerajaan menggiatkan usaha membantu petani dalam penggunaan peralatan moden, cara penanaman moden, pemasaran serta mengatasi masalah pertanian.</li> </ul>

Kesimpulan

Mana-mana 2 AD dan 2 AP.

### BAHAGIAN C

18. Wawasan pemimpin merupakan antara faktor penentu dasar luar Malaysia. Namun, faktor-faktor penentu yang lain juga mempengaruhi dasar luar Malaysia. Bincangkan.

#### Pengenalan

Antara faktor yang diambil kira dalam penentuan dasar luar ialah wawasan pemimpin.

Namun terdapat juga faktor-faktor lain yang menentukan hubungan dan dasar luarnya.

BIL	IDEA	HURAIAN
1	Wawasan pemimpin (wajib)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dasar negara mengadakan hubungan luar negara adalah untuk meningkatkan kemajuan negara</li> <li>• Pemimpin yang mempunyai pemikiran terbuka pastinya mahu mengadakan hubungan luar bagi pembangunan negara dari segi ekonomi , teknologi dan sosial.</li> <li>• Pemimpin yang berwawasan akan mengadakan hubungan persahabatan dengan negara luar bagi memudahkan segala urusan berkaitan pembangunan negara.</li> <li>• Sokongan pemimpin kepada banyak negara akan menyebabkan hubungan perdagangan menjadi luas</li> </ul>
2.	Kepentingan ekonomi negara	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Malaysia mempunyai sumber ekonomi yang kukuh yang berasaskan komoditi utama seperti getah, kelapa sawit dan barangan pembuatan seperti elektronik, kejuruteraan berat serta ringan.</li> <li>• Bagi membolehkan Malaysia memasarkan barangan dan hasil negara, Malaysia perlu mewujudkan rakan-rakan dagangan serantau seperti Indonesia, Singapura dan Thailand dan rakan dagang antarabangsa seperti Amerika Syarikat, Britain dan negara-negara Eropah untuk kepentingan ekonomi bersama.</li> <li>• Malaysia juga perlu menarik pelaburan asing ke dalam negara melalui hubungan dengan pelbagai negara.</li> </ul>

\*\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

[Lihat sebelah]

3.	Keselamatan negara	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen yang mementingkan kebebasan dan kemakmuran rakyat.</li> <li>• Malaysia menentang keras kuasa besar menggugat atau mengancam kestabilan dan keselamatan serantau</li> <li>• Malaysia memberi kerjasama dengan menyertai pelbagai forum di peringkat antarabangsa untuk menghindarkan ancaman keganasan komunis mahupun ancaman dadah</li> </ul>
4	Persekitaran geostrategik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Malaysia terletak di kedudukan yang paling strategik di dunia serta menjadi tarikan kuasa asing untuk berdagang dan menjalinkan hubungan persahabatan</li> <li>• Kedudukannya di persimpangan laut di antara Lautan Pasifik dengan Lautan Hindi merupakan satu laluan perdagangan utama bagi rantau Asia Tenggara</li> <li>• Kebanyakan perdagangan antara Timur Jauh dan Timur Tengah serta India melalui perairan Selat Melaka di Malaysia.</li> <li>• Malaysia dilihat sebagai kawasan yang sangat sesuai sebagai tempat persinggahan pedagang dan peniaga yang merantau.</li> </ul>
5	Sejarah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengalaman semasa dijajah telah membantu negara untuk merangka pelbagai bentuk perhubungan dengan negara luar</li> <li>• Malaysia mengamalkan sikap menjalinkan hubungan dengan semua negara melalui Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM)</li> <li>• Malaysia juga menjadi anggota Komanwel dengan mengadakan hubungan baik dengan Britain bagi mendapatkan nasihat tentang pentadbiran pada peringkat awal kemerdekaan. Sehingga kini Malaysia sentiasa menyokong segala usaha Komanwel.</li> </ul>

\*\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

[Lihat sebelah]

6	Agama dan budaya	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Malaysia melibatkan diri dalam hubungan diplomatik sesama negara Islam dan membincangkan isu berkaitan dengan agama Islam</li> <li>● Malaysia merancang dan melaksanakan pembangunan umat Islam secara global</li> <li>● Malaysia menganggotai Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Kumpulan Lapan Negara Membangun (D8)</li> <li>● Mempunyai kebudayaan yang hampir sama dalam pelbagai budaya hidup dalam kalangan penduduk Negara ASEAN turut menjadi penentu hubungan dasar luar ini.</li> </ul>
7	Demografi sosial	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Keadaan demografi negara yang mempunyai penduduk pelbagai kaum menyebabkan Malaysia menghormati hak asasi manusia dan menentang dasar Apartheid Afrika Selatan</li> <li>● Malaysia menitikberatkan prinsip perpaduan di peringkat global</li> <li>● Malaysia turut mengesyorkan agar prinsip perpaduan diamalkan di peringkat antarabangsa</li> </ul>

### Kesimpulan

Penentuan dasar luar Malaysia ini tidak hanya bergantung kepada faktor wawasan pemimpin semata-mata tetapi turut ditentukan oleh faktor-faktor lain

19. Masalah buruh kanak-kanak yang berlaku di seluruh dunia berpunca daripada pelbagai faktor. Malaysia juga perlu mengambil beberapa langkah bagi menangani masalah tersebut. Bincangkan.

#### Pengenalan

Buruh kanak-kanak ditakrifkan sebagai penggunaan tenaga keupayaan kanak-kanak untuk bekerja.

#### Isi /Idea:

Bil	Idea	Huraian
A	Faktor berlaku	
1	Kemiskinan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ramai kanak-kanak yang menjadi buruh berasal dari keluarga yang miskin terutamanya di negara miskin atau sedang membangun.</li> <li>• Kanak-kanak juga dijadikan buruh paksa sebagai pertukaran bagi menyelesaikan pinjaman yang dilakukan oleh keluarga.</li> </ul>
2.	Peperangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perang yang berlaku memaksa kanak-kanak melarikan diri ke negara jiran dan menjadi pelarian</li> <li>• Mereka hidup dalam keadaan menyedihkan dan terpaksa bekerja untuk meneruskan hidup.</li> <li>• Kanak-kanak warga Syria menjadi pelarian di Turki dan bekerja secara haram di kilang-kilang untuk mendapatkan wang.</li> </ul>
3.	Mangsa pemerdagangan manusia	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kanak-kanak diseludup masuk ke negara asing untuk dipaksa bekerja.</li> <li>• Mereka bekerja dalam tempoh yang panjang dan dibayar gaji yang rendah.</li> <li>• Mereka dipaksa menjadi pengemis untuk menjana pendapatan kepada sindiket.</li> </ul>
4.	Kurang peluang mendapat pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Kekurangan peluang belajar menjadi penyebab buruh kanak-kanak semakin meningkat</li> <li><input type="checkbox"/> Di kawasan luar bandar atau kawasan miskin, kemudahan persekolahan tidak mencukupi dan ibu bapa lebih mementingkan keperluan asas daripada pendidikan.</li> <li><input type="checkbox"/> Kanak-kanak di negara bergolak juga tidak mendapat akses kepada pendidikan</li> </ul>
		<input type="checkbox"/>

\*\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

[Lihat sebelah]

B	Langkah Malaysia	
5.	Membentuk dasar mengenai Kanak-kanak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dasar Kanak-Kanak Negara dibentuk berdasarkan Konvensyen Hak Kanak-kanak PBB</li> <li>• Malaysia prihatin dan komited terhadap tanggungjawab untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak.</li> <li>• Dasar Perlindungan Kanak-kanak Negara memastikan kanak-kanak mendapat perlindungan daripada pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi.</li> </ul>
6.	Meratifikasi/ Menandatangani Konvensyen Antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Malaysia menentang amalan buruh kanak-kanak dan meratifikasi konvensyen antarabangsa mengenai buruh dan kehendak hak kanak-kanak.</li> <li>• Malaysia juga menandatangani konvensyen buruh kanak-kanak antarabangsa bagi melindungi hak kanak-kanak di negara ini dan antarabangsa. Contohnya Konvensyen Hak Asasi Kanak-kanak (1995), Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa 138 tentang umur minimum bekerja (1997), Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa 182 tentang bentuk buruh kanak-kanak yang paling teruk(2000)</li> </ul>
7.	Penguatkuasaan Undang-Undang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) (Pindaan) 2018 menetapkan umur minimum bekerja ialah 15 tahun bagi kerja ringan dan 18 tahun bagi kerja berat.</li> <li>• Majikan yang melanggar akta ini boleh dipenjarakan sehingga 2 tahun dan denda tidak lebih RM20,000 bagi kesalahan pertama dan dipenjarakan sehingga 5 tahun dan denda tidak lebih RM100,000 bagi kesalahan berulang.</li> <li>• Penguatkuasaan yang berterusan dapat memastikan kanak-kanak dilindungi dan tidak diambil bekerja sebagai buruh</li> </ul>
8.	Meningkatkan kerjasama dengan NGO	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan bekerjasama dengan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan menyertai masyarakat antarabangsa menganjurkan Hari Menentang Buruh Kanak-kanak Sedunia pada setiap 10 Jun bermula 2002.</li> <li>• SUHAKAM mengubal Rangka Kerja Strategik bagi Pelan Tindakan Kebangsaan mengenai Perniagaan</li> </ul>



		dan Hak Asasi Manusia sebagai dokumen rujukan untuk pembangunan pelan tindakan kebangsaan Malaysia.
--	--	---

Mana-mana 2+3/3+2

Kesimpulannya, masalah buruh kanak-kanak perlu diatasi oleh Malaysia secara efisien agar masa depan kanak-kanak terjamin.

20. Pencemaran laut rentas sempadan masih terus berlaku walaupun Malaysia telah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk membanteras isu ini. Bincangkan.

#### Pendahuluan

Hari Lautan Sedunia pertama kalinya diisytiharkan pada 8 Jun 1992 Rio de Janeiro, Brazil. Pengisytiharan ini adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya laut kepada kehidupan manusia. Pelbagai tindakan telah diambil oleh Malaysia, namun pencemaran laut masih tetap berlaku.

Bil	Idea	Huraian
1	<p><b>Sebab pencemaran laut masih berlaku</b></p> <p>Pencemaran air</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pencemaran sisa industri perkilangan semakin meningkat dialirkan ke laut terutama di negeri-negeri perindustrian seperti Pulau Pinang, Selangor dan Johor.</li> <li>Pembuangan sisa domestik sepanjang pantai dan sungai menjejaskan kualiti air laut.</li> <li>Pembuangan sisa plastik semakin meningkat dan sukar dibendung.</li> </ul>
2	Aktiviti perkapalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berpunca daripada aktiviti pembuangan sisa oleh kapal tangki tempatan dan asing yang sengaja membuang minyak jenis Marine Fuel Oil (MFO).</li> <li>Kemalangan yang berlaku terhadap kapal-kapal di perairan negara menyebabkan berlakunya tumpahan minyak</li> </ul>
3	Kegiatan cari gali	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berlaku tumpahan di minyak di pelantar cari gali minyak.</li> <li>Aktiviti pembersihan kapal pengangkut minyak mentah di tengah laut.</li> <li>Kebocoran paip-paip gas dalam laut</li> </ul>
4	Aktiviti tebus guna laut	<ul style="list-style-type: none"> <li>Malaysia dan Singapura menambak laut untuk pembangunan.</li> <li>Menebus guna kawasan persisiran pantai untuk pembinaan kawasan perumahan, pelancongan dan jaringan jalan raya.</li> <li>Peningkatan aktiviti perlombongan pasir laut dan batu agregat untuk pembangunan.</li> </ul>
**Kertas sokongan	Kerajaan telah mengeluarkan peraturan-peraturan undang-undang	<p>Peraturan-undang-undang sedia ada untuk pihak yang melakukan pencemaran laut masih ringan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Tiada undang-undang khusus yang tegas untuk menghukum rakyat yang membuang sampah plastik ke dalam sungai dan laut.</li> </ul>

[Lihat sebelah]

6	<p><b>Tindakan Malaysia</b></p> <p>Menyokong pindaan Konvensyen Basel</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 187 negara termasuk Malaysia menerima pakai pindaan Konvensyen Basel, bagi mengurangkan pergerakan sisa plastik merentasi sempadan negara.</li> <li>• Menyuarakan Hak Mengenakan Kawalan Ketat Terhadap Pengimportan Sisa Plastik di Konvensyen Basel untuk bersama-sama menangani isu lambakan sisa plastik.</li> <li>• Memberi sokongan penuh kepada cadangan Kerajaan Norway untuk meminda klasifikasi sisa plastik dan mengenakan kawalan ketat terhadap pergerakan sisa plastik merentasi sempadan.</li> <li>• Kerajaan Malaysia membatalkan permit import bagi sisa plastik dari Amerika Syarikat, China dan negara Eropah.</li> <li>• Menghantar balik kontena sisa plastik haram ke negara asal.</li> </ul>
7	<p>Meningkatkan kesedaran masyarakat</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggalakkan rakyat supaya mengamalkan amalan kitar semula sampah dan prinsip 3R.</li> <li>• Menjalankan program-program pendidikan pengurusan sisa di semua peringkat.</li> <li>• Memberi pendidikan tentang langkah pemeliharaan dan kepentingan laut.</li> <li>• Menggiatkan kempen Hari Tanpa Beg Plastik dengan Memperkenalkan Pelan Hala Tuju Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna.</li> </ul>
8	<p>Berkongsi kepakaran</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) bekerjasama dengan kerjasama Japan Coast Guard (JCG) berkongsi kepakaran bagi menangani insiden tumpahan minyak di laut.</li> <li>• Mendapatkan latihan dan kepakaran dari luar negara dalam bidang forensik alam sekitar supaya dapat mengenal pasti identiti bahan cemar dengan pantas.</li> </ul>
9	<p>Menandatangani deklarasi</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemimpin-pemimpin ASEAN menandatangani 'Deklarasi Bangkok' bagi membasmi sisa sampah maritim secara bersama.</li> <li>• Negara-negara ASEAN bersetuju untuk mengukuhkan undang-undang dan peraturan negara berkenaan pencemaran sisa marin</li> </ul>
10	<p>Memperbanyak pewartaan taman laut / rizab laut negara</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Usaha pemuliharaan laut dengan mewartakan kawasan perlindungan laut iaitu sebagai taman laut atau rizab laut negara melalui Akta Perikanan 1985.</li> <li>• Memberi perlindungan khas kepada flora dan fauna di kawasan ini.</li> </ul>

\*\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

[Lihat sebelah]

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengawal selia aktiviti rekreasi dan pelancongan di kawasan ini bagi mengelakkan berlakunya kerosakan atau pencemaran</li> </ul>
11	Memperkasa penguatkuasaan undang-undang.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengkaji dan memperkemas Akta Perikanan 1985, Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 dan Akta Laut Wilayah 2012 supaya relevan dengan masa kini.</li> <li>• Meningkatkan keberkesanan pelaksanaan Kaedah Pengurusan Bersepadu Zon Pantai (ICZM).</li> <li>• Meningkatkan pemantauan dan rondaan di sempadan negara bagi menyekat penyeludupan dan pencerobohan nelayan asing,</li> <li>• Mengenenakan kadar hukuman yang lebih berat kepada pemilik kapal yang membuang sisa minyak ke laut.</li> </ul>

Mana-mana 2+3/3+2 idea

Kesimpulan:

Kesimpulannya, ekosistem marin perlu dipelihara dan dipulihara secara agresif dan efektif agar warisan alam semula jadi dilestarikan untuk generasi mendatang.

**SOALAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN PENGAJIAN AM 3(900/3), STPM 2020**

**Kelantan**

**BAHAGIAN A [15 markah]**

*Jawab semua soalan.*

1. Malaysia dikatakan sebuah negara berdaulat kerana mempunyai
  - A wawasan
  - B bendera sendiri
  - C sempadan yang luas
  - D rakyat berbilang kaum
2. Yang manakah berkaitan dengan agama dalam Perlembagaan Persekutuan?
  - I Agama Islam merupakan agama rasmi Persekutuan
  - II Kuasa menggubal undang-undang Islam merupakan kuasa Parlimen
  - III Setiap orang boleh menubuhkan dan menyelenggarakan yayasan bagi agamanya
  - IV Setiap orang boleh menyebarkan ajaran agamanya kepada penganut agamanya
  - A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV
3. Rang undang-undang manakah yang mesti dimulakan di Dewan Rakyat?
  - A Cukai barangan
  - B Tanah dan galian
  - C Hak asasi wanita
  - D Kuasa Kerajaan Tempatan
4. Yang manakah benar tentang prosedur perundangan?
  - A Rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri perlulah dihantar ke Dewan Negara
  - B Setelah Dewan Rakyat dan Dewan Negara meluluskan sesuatu rang undang-undang terus menjadi satu enakmen
  - C Setelah melalui Bacaan Pertama dan Kedua, rang undang-undang itu ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong.
  - D Rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri dan ditandatangani oleh Sultan akan menjadi satu enakmen
5. Yang manakah pernyataan yang benar tentang Jemaah Menteri?
  - A Terdiri daripada ahli Dewan Rakyat
  - B Badan penasihat kepada Yang di-Pertuan Agong
  - C Memegang lebih daripada satu portfolio kementerian
  - D Dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas kuasa budi bicara

**\*\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat**

**[Lihat sebelah]**

6.

\*Menjalankan tugas eksekutif  
\*Merumus, merancang dan membentuk rancangan

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A jabatan
- B agensi pusat
- C kementerian
- D suruhanjaya

7. Yang manakah benar tentang tanggungjawab agensi pusat?

- A Menggubal dasar kerajaan bagi pihak kabinet
- B Mencari dana untuk pembangunan negara
- C Membantu perancangan ekonomi negara
- D Meluluskan projek pembangunan negara


8. Yang manakah benar tentang kuasa Majlis Tanah Negara?

- A Menukar status tanah pertanian kepada pembangunan
- B Menentukan nilai pampasan pengambilan tanah
- C Menyelaras pengawalan dan penggunaan tanah
- D Meluluskan permohonan pembangunan tanah

9. Siapakah yang bertanggungjawab memaklumkan keputusan pemilihan Yang di-Pertuan Agong kepada kedua-dua Majlis Parlimen?

- A Perdana Menteri
- B Ketua Setiausaha Negara
- C Pengerusi Majlis Raja-Raja
- D Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja

10.



Rajah di atas menunjukkan sistem pentadbiran negeri


- A Sarawak
- B Kelawak
- C Kelantan
- D Sabah

\*\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

D Johor

[Lihat sebelah]

11.



Kriteria X ialah

- I tidak muflis
- II tidak ada pelajaran
- III tidak ada pekerjaan
- IV tidak ada rekod jenayah

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

12. Yang manakah kepentingan tadbir urus baik?

- I Mengekalkan profesionalisme dan tadbir urus dalam perkhidmatan
- II Menjana potensi insan bagi memperkasakan prestasi perkhidmatan
- III Menekankan nilai-nilai positif dalam penyampaian perkhidmatan
- IV Memberi keutamaan menyeluruh kepada pelanggan

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

13. Yang manakah benar tentang impak daripada Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam yang lemah?

- A Kemasukan pelabur-pelabur asing semakin bertambah
- B Reputasi perkhidmatan awam dan kerajaan meningkat
- C Budaya kerja baik semakin berleluasa
- D Kos operasi yang tinggi dan mahal

14. Yang manakah merupakan kes-kes sivil di Mahkamah Awam?

- I Muflis
- II Pelanunan
- III Penceraian
- IV Pecah amanah

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III

\*\*Kertas soalan ini sudah tamat

[Lihat sebelah]

15. Yang manakah faktor yang boleh menjejaskan daya saing negara?

- A Teknologi tinggi
- B Tenaga kerja mahir
- C Kegawatan ekonomi

D Ekonomi berpendapatan tinggi

**Bahagian B** [15 markah]

Jawab **semua** soalan.

16. Nyatakan **empat** fungsi Parlimen. [ 4 ]

(a) .....

(b) .....

(c) .....

(d) .....

17.17

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Pelajar X Tingkatan 4 berumur 16 tahun</li><li>• Kesalahan gengsterisme</li><li>• Ditangkap dan didapati bersalah oleh mahkamah</li></ul> |
|---|

Nyatakan **empat** jenis hukuman yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah tersebut. [ 4 ]

(a) .....

(b) .....

(c) .....

(d) .....

18. Huraikan **dua** perbezaan antara Badan Berkanun dengan Badan Tidak Berkanun. [ 4 ]

(a) .....

.....

(b) .....

.....

19. Nyatakan tiga kesan baik globalisasi kepada ekonomi negara. [ 3 ]


(a) .....

(b) .....

(c) .....

**Bahagian C [50 markah]**

*Pilih **dua** daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.*



20. Penyalahgunaan dadah sintetik dalam kalangan remaja mengundang pelbagai kesan namun, pelbagai kekangan dihadapi oleh kerajaan untuk membanteras gejala ini. Bincangkan.

21. Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang berkesan dapat ditingkatkan dengan pelbagai cara. Bincangkan.

22. Tahap pendidikan yang rendah bukanlah faktor utama golongan miskin bandar semakin meningkat saban tahun. Bincangkan.



**SKEMA PEPERIKSAAN PERCUBAAN PENGAJIAN AM 3(900/3), STPM 2020****Kelantan****Skema Bahagian A:**

1	B	2	B	3	A	4	D	5	B
6	C	7	C	8	C	9	D	10	A
11	B	12	A	13	D	14	A	15	C

**Bahagian B [15 markah]**

Jawab semua soalan.

23. Nyatakan **empat** fungsi Parlimen.

[ 4 ]

Skema jawapan:

1. Membahas dan meluluskan belanjawan negara.
2. Membahas/ Menggubal/ Meminda/ Meluluskan rang undang-undang.
3. Mengawal kewangan kerajaan.
4. Memeriksa/ Menyemak dasar-dasar kerajaan.
5. Mengawal badan pemerintahan/ eksekutif.
6. Membahaskan/ Membincangkan perkara berkaitan kepentingan orang ramai.
7. Meluluskan hasil-hasil cukai vana baru.

24.17.

- Pelajar X Tingkatan 4 berumur 16 tahun
- Kesalahan gengsterisme
- Ditangkap dan didapati bersalah oleh mahkamah

Nyatakan **empat** jenis hukuman yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah tersebut.

[ 4 ]

Skema jawapan:

1. Membebaskan juvana/ pelajar selepas beliau menandatangani bon untuk berkelakuan baik.
2. Menempatkan juvana/ pelajar di bawah jagaan saudara/ penjagaan yang sesuai.
3. Memerintah ibu bapa juvana/ pelajar tandatangani bon untuk menentukan jagaan dan didikan yang baik terhadapnya.
4. Mengeluarkan 'probation order'ATAU Meletakkan juvana/ pelajar di bawah penyeliaan pegawai akhlak.
5. Memerintah juvana/ pelajar dimasukkan ke pusat/ institusi/ sekolah pemulihan akhlak.
6. Memerintahkan iuvana/ pelajar membayar denda/ aanti ruai/ kos.

\*\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

[Lihat sebelah]

25. Huraikan **dua** perbezaan antara Badan Berkanun dengan Badan Tidak Berkanun.

[ 4 ] (

Skema jawapan:

<i>Idea</i>	<i>Badan Berkanun</i>	<i>Badan Tidak Berkanun</i>
1. Cara penubuhan	ditubuhkan di bawah Akta Parlimen atau Enakmen Dewan Undangan Negeri.	ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965.
2. Cara kawalan	dikawal secara langsung oleh menteri.	dikawal secara tidak langsung oleh menteri
3. Kewangan	anggaran belanjawan tahunan tertakluk pada kawalan agensi pusat.	anggaran belanjawan tidak tertakluk pada kawalan agensi pusat.
4. Fungsi	terlibat dalam pembangunan ekonomi bermotif kebajikan	terlibat dalam pembangunan ekonomi bermotif keuntungan kepada kerajaan
5. Perjawatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• peminjaman kakitangan boleh dilakukan.</li> <li>• pengambilan kakitangan perlu mendapat kelulusan JPA dan Perbendaharaan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• peminjaman kakitangan tidak boleh dilakukan.</li> <li>• pengambilan kakitangan secara bebas</li> </ul>
6. Pentadbiran	diketuai oleh pengurus besar yang bergelar pengarah	diketuai oleh pengurus besar yang digelar eksekutif

26. Nyatakan tiga kesan baik globalisasi kepada ekonomi negara.

[ 3 ]

Skema jawapan:

1. Mewujudkan perdagangan bebas
2. Peluasan pasaran
3. Pemandahan teknologi
4. Menggalakkan persaingan
5. Peningkatan kualiti produk
6. Peningkatan aliran buruh
7. Penambahan keupayaan modal dalam negara

### Bahagian C [50 markah]

Pilih **dua** daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.

27. Penyalahgunaan dadah sintetik dalam kalangan remaja mengundang pelbagai kesan namun, pelbagai kekangan dihadapi oleh kerajaan untuk membanteras gejala ini. Bincangkan.

Idea	Huraian
<b>Kesan</b> 1. Kesihatan terjejas	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dari segi fizikal, penagih kurus, lemah, malas, mudah pita dan pengsan.</li> <li>• Sentiasa berkhayal, ketagihan, ganas.</li> <li>• Daya tahan badan lemah dan mudah dijangkiti pelbagai penyakit seperti kancing gigi, mandul dan sebagainya.</li> </ul>
2. Peningkatan masalah sosial	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Didapati 40% daripada banduan penjara adalah penagih dadah.</li> <li>• Mengganggu keamanan, ketenteraman, ketertiban peraturan dan undang-undang negara.</li> <li>• Suasana kehidupan dalam masyarakat tidak tenteram kerana kecurian, rompakan dll.</li> </ul>
3. Imej negara tercalar	<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Dianggap sebagai pusat transit dadah sintetik.</li> <li><input type="checkbox"/> Penguatkuasaan undang-undang yang lemah.</li> <li><input type="checkbox"/> Mencacatkan pemandangan apabila golongan penagih bergelandangan</li> <li><input type="checkbox"/> Tidak selamat untuk dilawati –menakutkan pelancong dan pelabur asing.</li> </ul>
4. Kekurangan sumber tenaga kerja	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Remaja yang menjadi tulang belakang pembangunan negara dan bakal pemimpin tidak dapat menyumbang tenaga kerana terjebak dalam penagihan dadah sintetik.</li> </ul>
5. Beban kewangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kos yang tinggi ditanggung oleh negara.</li> <li>• menyediakan kemudahan rawatan dan pemulihan penagih dadah.</li> <li>• Kos menyelenggara program-program pencegahan.</li> </ul>
<b>Kekangan</b> 6. Sikap individu	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak mengambil peduli tentang mudarat dadah</li> <li>• Menjadikan dadah jalan pintas mengatasi tekanan/ masalah.</li> <li>• pengetahuan serta mudah tertipu i diri, kurang Kurang penghayatan agama serta pergaulan bebas</li> <li>• pengeksploitasi pengaruh serta pengaruh rakan sebaya.</li> </ul>

\*\*Kertas soalan ini SULIT sehingga penarik pengaruh serta pengaruh rakan sebaya. ...at sebelah]

7. Sikap masyarakat	<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Sikap tidak ambil peduli masyarakat yang bersifat individualistik dan materialistik.</li> <li><input type="checkbox"/> Tidak melaporkan kegiatan penagihan dadah</li> <li><input type="checkbox"/> Kurangnya nilai kemasyarakatan/ semangat kejiwaan tidak mengambil peduli akan masalah yang berlaku.</li> </ul>
8.Kelemahan penguatkuasaan undang-undang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Malaysia tempat transit dadah sebelum ke tempat lain</li> <li>• Pihak berkuasa kekurangan logistik dan tenaga dalam melakukan serbuan berterusan.</li> </ul>
9.Kedudukan geografi Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kedudukan geografi Kedudukan Malaysia berhampiran dengan kawasan pengeluaran dadah 'Segi Tiga Emas'</li> <li>• Kawasan perairan Malaysia yang panjang dan sukar dikawal</li> <li>• Banyak laluan tikus di kawasan sempadan Malaysia memudahkan dadah masuk ke dalam negara.</li> </ul>

Format jawapan: 3+2/ 2+3

28. Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang berkesan dapat ditingkatkan dengan pelbagai cara. Bincangkan.

<i>Bil</i>	<i>Isi/idea</i>	<i>Huraian</i>
1	Mengaplikasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melaksanakan kerajaan elektronik dan membolehkan pengaplikasian</li> <li>• Menyediakan perkhidmatan kerajaan secara atas talian</li> </ul>
2	Meningkatkan kecekapan operasi agensi kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mewujudkan mekanisme untuk mempercepat urusan kerajaan</li> <li>• Meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat</li> </ul>
3	Membangunkan keupayaan sistem penyampaian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memilih dan melatih kakitangan awam terbaik serta berpotensi tinggi</li> <li>• Memberi pendedahan yang lebih positif, berkemahiran tinggi dan rangkaian yang lebih bersepadu antara sektor awam dan swasta</li> <li>• Menyediakan pusat latihan dan kemahiran untuk mempersiapkan kakitangan awam yang berkemahiran</li> </ul>
4	Membudayakan budaya kerja yang berkualiti	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggubal dasar kerajaan yang mendorong kepadaperubahan budaya kerja berkualiti seperti akauntabiliti, ketelusan dan lain-lain</li> </ul>
5	Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mewujudkan suasana dan tempat kerja yang selesa dan dapat merangsang pretasi kerja</li> <li>• Mewujudkan budaya penyayang dan mesra pelanggan</li> <li>• Mewujudkan budaya kerja berpasukan dan saling bekerja sama untuk meningkatkan system penyampaian dan perkhidmatan awam</li> </ul>
6	Meningkatkan kemudahan prasarana	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menaiktaraf kemudahan prasarana kepada pelanggan, ruang pejabat dan ruang khidmat pelanggan</li> <li>• Mewujudkan keselesaan kepada pelanggan</li> </ul>
7	Menghargai prestasi kerja yang baik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberikan ganjaran ekstrinsik dan instrinsik seperti pujian, ganjaran dan pengiktirafan</li> <li>• Sentiasa menghargai prestasi kerja yang baik dan mencapai matlamat organisasi</li> </ul>

\*\*Kertas soalan ini SULIT sehingga pemeriksaan kertas ini tamat. [Lihat sebelah]

8	<i>Meningkatkan amalan kepimpinan melalui teladan</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Kepimpinan organisasi mestilah menjadi teladan atau contoh yang baik kepada kakitangan di bawahnya sama ada dari segi menjalankan tugas atau akhlaknya</i></li> <li>• <i>Membuat teguran dan mengambil tindakan terhadap pegawai yang lemah</i></li> </ul>
9	<i>Menyelaraskan dasar dan polisi</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Menyelaraskan dasar dan polisi antara jabatan dan kementerian supaya tidak berlaku pertindihan arahan</i></li> <li>• <i>Kerjasama antara jabatan dapat memastikan sistem penyampaian berjalan lancar</i></li> </ul>

Jawapan : 5+0 idea/isi

29. Tahap pendidikan yang rendah bukanlah faktor utama golongan miskin bandar semakin meningkat saban tahun. Bincangkan.

<b>Bil</b>	<b>Idea Utama</b>	<b>Huraian</b>
1	Tahap pendidikan rendah (idea wajib)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• hanya mampu melakukan kerja-kerja kasar atau separa profesional yang kadar upahnya rendah</li> <li>• tidak dapat mengembangkan kerjaya ke peringkat lebih tinggi</li> <li>• Tidak dapat peluang meningkatkan taraf hidup dengan lebih baik</li> <li>• Berada pada tahap yang sama sahaja</li> </ul>
3	Peningkatan kos sara hidup	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berlaku peningkatan harga barangan dan perkhidmatan dalam semua sektor</li> <li>• Isi rumah membelanjakan banyak pendapatan kepada barangan keperluan</li> <li>• Tidak dapat menyediakan keperluan yang selesa kepada keluarga</li> </ul>
4	Pendapatan isi rumah terhad/ rendah/ tidak cukup	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kebanyakan pendapatan bergantung kepada ketua keluarga</li> <li>• Sebahagian besar isteri adalah sebagai suri rumah sepenuh masa</li> <li>• Jika ada isteri yang bekerja, gaji pun kecil dan pendapatan isi rumah cukup setakat untuk keperluan harian tanpa tabungan.</li> <li>• gaji yang tawarkan oleh majikan sangat rendah</li> <li>• tidak mencukupi untuk menampung keperluan asas dengan sempurna</li> </ul>
5	Peluang pekerjaan terhad	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penawaran kerja yang kurang dberbanding permintaan</li> <li>• kebanjiran warga asing yang sanggup menerima yag rendah menyebabkan penduduk bandar bersaing untuk mendapatkan pekerjaan</li> </ul>
6	Sikap negatif	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebahagian golongan ini tidak berusaha bersungguh-sungguh untuk mengikuti program pencegahan kemiskinan anjuran kerajaan</li> <li>• Lebih senang mengambil pendirian tunggu dan lihat</li> </ul>
7	Kelemahan program basmi kemiskinan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program tidak menyeluruh</li> <li>• Pelaksanaan pelarasan yang tidak sistematik</li> </ul>

Jawapan : 1+4 ( Faktor )

**SOALAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN PENGAJIAN AM 3(900/3), STPM 2020**

**Kolej Ting Enam Puchong**

PERCUBAAN/SEM3-2020/KTEPUCHONG

**Bahagian A [15 markah]**

*Jawab semua soalan*

1. Pembentukan dasar luar negara dipengaruhi oleh  
I faktor geostrategik  
II wawasan pemimpin Malaysia  
III situasi politik serantau dan antarabangsa  
IV IV pertumbuhan antarabangsa yang dianggotai

A I dan II  
B I dan III

C II dan IV  
D III dan IV

2. Yang manakah strategi kerjasama pembangunan wilayah kecil Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)?  
A Dialog Serantau ASEAN  
B Komuniti Ekonomi ASEAN  
C Kawasan Pertumbuhan Segi Tiga  
D Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN

- Mesyuarat Asia – Eropah  
- ASEAN + 3

3. Kerjasama di atas membawa kepada peningkatan  
I kerjasama ekonomi antara benua  
II dialog Kerjasama Selatan-Selatan  
III pelaburan dari negara-negara maju  
IV pembangunan wilayah di sempadan antarabangsa

A I dan II  
B I dan III

C II dan IV  
D III dan IV



Mengelakkan campur tangan kuasa-kuasa besar di rantau Asia Tenggara

4. Pernyataan di atas merujuk kepada
- A Forum Serantau ASEAN
  - B Zon Aman, Bebas dan Berkecuali
  - C Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara
  - D Kawasan Perdagangan Bebas Asia Tenggara
5. Yang manakah cabaran yang dihadapi oleh Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) dalam menegakkan keamanan dan kestabilan politik serantau?
- I Pengawasan penularan penyakit berjangkit
  - II Kegagalan menangani isu berkaitan Rohingya
  - III Pelaksanaan perjanjian Perdagangan Bebas (AFTA)
  - IV Sikap tidak menghormati keputusan-keputusan ASEAN
- A I dan II  
B I dan III  
C II dan IV  
D III dan IV
6. Yang manakah antara berikut menjejaskan kerjasama ekonomi ASEAN?
- A Perbezaan sistem pemerintahan.
  - B Mengutamakan kepentingan nasional.
  - C Keengganan mewujudkan pasaran bersama.
  - D Kekangan dari segi undang-undang Imigresen.
7. Yang manakah jawatan yang pernah disandang oleh Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu?
- I Setiausaha Agung
  - II Ahli Majlis Keselamatan
  - III Pengerusi Majlis Peramanahan
  - IV Pengerusi Perhimpunan Agung
- A I dan II  
B I dan III  
C II dan III  
D III dan IV

- Keganasan terhadap wanita
- Wanita dan situasi bencana

8. Pernyataan di atas adalah berkaitan
- A Deklarasi Bogor
  - B Deklarasi Hanoi

9. Yang manakah benar tentang objektif D-8?

- I Menggalakkan gencatan senjata.
- II Menggalakkan kerjasama pembangunan.
- III Meningkatkan hubungan politik negara Islam.
- IV Memasarkan konsep dan pengamalan takaful.

A I dan II

C II dan IV

B I dan III

D III dan IV

- Menentukan semula syarat perdagangan dari segi cukai
- Memberi bantuan teknologi dan pemindahan teknologi

10. Pernyataan di atas adalah berkaitan

- A Hubungan Utara-Utara
- B Hubungan Utara-Selatan

- C Order Baru Ekonomi Dunia
- D Pertubuhan bangsa-Bangsa Bersatu

11. Antara kejayaan Pertubuhan Negara-Negara Berkecuali (NAM) semasa di bawah pimpinan Malaysia ialah

- A menegakkan hak-hak asasi sejagat.
- B memperkasakan pembangunan wanita.
- C menghapuskan kemiskinan di Asia Timur.
- D membina hubungan dinamik dengan negara maju.

12. Yang manakah merupakan tujuan penubuhan AFTA?

- A Mengadakan hubungan kerjasama politik.
- B Mengusahakan projek ekonomi dengan negara maju.
- C Menguruskan ekonomi antarabangsa dengan berjaya.
- D Merancang cara untuk bersaing dengan negara Eropah.

Rio de Jeneiro – Persidangan Pembangunan Lestari

13. Persidangan di atas berkaitan dengan

- A ekologi alam sekitar.
- B politik antarabangsa.

- C trend baru ekonomi dunia.
- D senjata pemusnah besar-besaran.

14. Peranan Malaysia dalam bidang pendidikan di bawah panji Pertubuhan Persidangan Negara Islam telah berhasil menubuhkan perkara-perkara berikut.

- I Syarikat Insurans Takaful
- II Universiti Islam Antarabangsa

~~SULIT~~ Pertubuhan kebajikan mahasiswa islam  
IV Pertubuhan Kebudayaan Sains dan Pendidikan

A I dan II  
B I dan III

C II dan IV  
D III dan IV

15. Kepentingan ASEAN mengamalkan konsep Zon Aman ,Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) ialah  
I memperkukuh kerjasama ahli  
II menentukan nasib negara sendiri  
III membina pusat keselamatan serantau  
IV mengekalkan kedaulatan Asia Tenggara

A I dan II  
B I dan III

C II dan IV  
D III dan IV

**Bahagian B** [15 markah]

Jawab **satu** soalan sahaja dalam bahagian ini.

16. Berdasarkan jadual di bawah, buat analisis terhadap kadar pengangguran di negara-negara Asia Tenggara terpilih dari tahun 2013 hingga tahun 2015. Jelaskan kesan pengangguran kepada masyarakat di sesebuah negara.


**KADAR PENGANGGURAN DI NEGARA-NEGARA ASIA  
TENGGARA TERPILIH DARI TAHUN 2013 HINGGA TAHUN  
2015**

<i>Negara</i>	<i>Kadar pengangguran (%)</i>		
	<i>Tahun 2013</i>	<i>Tahun 2014</i>	<i>Tahun 2015</i>
Malaysia	3.1	3.3	3.4
Vietnam	3.6	3.4	3.3
Indonesia	7.2	7.6	7.0
Thailand	0.6	0.6	0.7
Filipina	7.1	6.8	6.3
Singapura	1.9	2.0	1.9
Myanmar	3.3	3.3	3.3


(Disesuaikan daripada <http://www.focus-economics.com/regions/asean,2016>)

17. Berdasarkan maklumat dalam carta di bawah, huraikan perubahan nilai import Malaysia dari negara-negara terpilih pada bulan Julai-Disember 2017 dan anggaran bulan Julai-Disember, 2018. Kemukakan langkah-langkah untuk mengurangkan jumlah import Malaysia.

**MALAYSIA: PASARAN UTAMA IMPORT BULAN JULAI - DISEMBER 2017 DAN ANGGARAN BULAN JULAI - DISEMBER 2018**



Petunjuk



Disesuaikan daripada *Perangkaan Perdagangan Luar Malaysia*

dalam <http://gg.gg/matrade>, 2017)

[SULIT]

**Bahagian C [ 50 markah ]**

*Pilih dua daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.*

18. Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara berhadapan dengan cabaran sama ada dari dalam mahupun dari luar ASEAN sendiri. Bincangkan.
19. Usaha menjalinkan hubungan secara multilateral dan bilateral dengan negara luar banyak memberikan manfaat kepada Malaysia. Bincangkan.
20. Industri pelancongan kesihatan memberi faedah kepada Malaysia. Justeru itu, langkah untuk memperkasakan lagi sektor ini giat dijalankan oleh pihak tertentu untuk kemajuan negara. Jelaskan.

- SOALAN TAMAT -

**SKEMA PEPERIKSAAN PERCUBAAN PENGAJIAN AM 3(900/3), STPM 2020****Kolej Ting Enam Puchong**

JAWAPAN:

BAHAGIAN A:

1. A	4. B	7. C	10. C	13. A
2. C	5. C	8. B	11. B	14. A
3. B	6. B	9. C	12. C	15. C

BAHAGIAN B:

16.

**Pendahuluan:**

Jadual menunjukkan kadar pengangguran di negara-negara Asia Tenggara terpilih dari tahun 2013 hingga tahun 2015. Kadar pengangguran memberi impak kepada masyarakat sesebuah negara.

Bil	Isi/Idea	Huraian
1	<b>Perubahan:</b> Meningkat berterusan Kadar pengangguran meningkat – Malaysia	<b>Malaysia:</b> - 3.1% (2013) meningkat kepada 3.3% (2014) dan meningkat lagi kepada 3.4% (2015) <b>**nota: mesti tulis % bagi setiap tahun</b>
2	Menurun berterusan Kadar pengangguran menurun – Vietnam dan Filipina	<b>Vietnam:</b> - 3.6% (2013) menurun kepada 3.4%(2014) dan menurun kepada 3.3% (2015) <b>@</b> <b>Filipina:</b> - 7.1% (2013) menurun kepada 6.8%(2014) menurun kepada 6.3% (2015) <b>**nota: mesti tulis % bagi setiap tahun</b>
3	Tidak konsisten Kadar pengangguran tidak konsisten iaitu <b>meningkat dan menurun</b> – Indonesia dan Singapura	<b>Indonesia:</b> - 7.2% (2013) meningkat kepada 7.6% (2014) dan menurun kepada 7.0% (2015). <b>@</b> <b>Singapura:</b> - 1.9% (2013) meningkat kepada 2.0% (2014) dan menurun kepada 1.9% (2015). <b>**nota: mesti tulis % bagi setiap tahun</b>
4	Tidak berubah / konsisten Kadar pengangguran tidak berubah – Myanmar	<b>Myanmar</b> - kekal pada 3.3% pada ketiga-tiga tahun <b>**nota: atau tulis % bagi setiap tahun</b>
5	Tidak berubah dan meningkat Kadar pengangguran tidak berubah dan meningkat - Thailand	<b>Thailand:</b> - 0.6% (2013) dan 0.6% (2014) tetapi meningkat kepada 0.7% (2015). <b>**nota: mesti tulis % bagi setiap tahun</b>

[SULIT]

6	<p><b>Bandingan</b></p> <p>Kadar pengangguran tertinggi sepanjang 3 tahun – Indonesia Kadar pengangguran terendah sepanjang 3 tahun – Thailand</p> <p><i>**nota: mesti tulis tertinggi dan terendah dalam 1 idea.</i></p>	<p><b>Indonesia:</b></p> <p>- 7.2% (2013), 7.6% (2014) dan 7.0% (2015)</p> <p><b>Thailand:</b></p> <p>- 0.6% (2013), 0.6% (2014) dan 0.7% (2015)</p>
7	<p><b>Kesan pengangguran</b></p> <p>Peningkatan kes jenayah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>perbuatan jenayah dilakukan untuk menampung kos hidup</li> </ul> <p>peningkatan kes jenayah jalanan seperti ragut, pecah rumah, rompak dan curi</p>

17.

**Pendahuluan:**

Carta pai menunjukkan pasaran utama import Malaysia dari negara-negara terpilih iaitu China, Singapura, Jepun, Amerika Syarikat, Taiwan dan Thailand pada bulan Julai - Disember 2017 dan anggaran bulan Julai - Disember tahun 2018.

**Isi/Idea**

Bil	Isi/idea	Huraian
1	<p>Perubahan nilai mutlak jumlah import:</p> <p>Secara keseluruhannya, jumlah import <b>meningkat</b> dari bulan Julai - Disember 2017 dan anggaran bulan Julai - Disember tahun 2018.</p>	<p>Pada bulan Julai - Disember 2017, jumlah import Malaysia dari negara-negara terpilih adalah sebanyak RM118 110 juta dianggarkan meningkat kepada RM 128 394 juta pada bulan Julai - Disember tahun 2018.</p> <p>Peningkatannya adalah sebanyak RM10 284 juta iaitu sebanyak 8.71%.</p>
2	<p>Nilai import menurun</p> <p><input type="checkbox"/> Amerika Syarikat</p>	<p>Nilai import Malaysia dari Amerika Syarikat pada bulan Julai - Disember 2017 adalah sebanyak RM18106.26 juta dianggarkan menurun kepada RM 14 970.74 juta pada bulan Julai - Disember tahun 2018.</p> <p>Penurunannya adalah sebanyak RM3 135.52 juta iaitu sebanyak 17.31%</p>
3	<p>Nilai import meningkat</p> <p><input type="checkbox"/> China</p> <p><input type="checkbox"/> Singapura</p> <p><input type="checkbox"/> Jepun</p> <p><input type="checkbox"/> Taiwan</p> <p><input type="checkbox"/> Thailand</p> <p><i>(Nyatakan semua negara)</i></p>	<p><b>China</b></p> <p>Nilai import dari China pada bulan Julai - Disember 2017 adalah sebanyak RM39 897.56 juta dianggarkan meningkat kepada RM 44 873.70 juta pada bulan Julai - Disember tahun 2018. Peningkatan sebanyak RM4 976.14 juta iaitu 12.47%</p> <p><b>Singapura</b></p> <p>Nilai import dari Singapura pada bulan Julai</p>



		<p>- Disember 2017 adalah sebanyak RM20 303.11 juta dianggarkan meningkat kepada RM 24 433.38 juta pada bulan Julai - Disember tahun 2018. Peningkatan sebanyak RM4 130.27 juta iaitu 20.34%</p> <p><b>Jepun</b></p> <p><input type="checkbox"/> Nilai import dari Jepun pada bulan Julai - Disember 2017 adalah sebanyak RM14 988.16 juta dianggarkan meningkat kepada RM 16 036.41 juta pada bulan Julai - Disember tahun 2018. Peningkatan sebanyak RM1 048.25 juta iaitu 7.0%</p> <p><b>Taiwan</b></p> <p>Nilai import dari Taiwan pada bulan Julai - Disember 2017 adalah sebanyak RM 12 862.18 juta dianggarkan meningkat kepada RM 15 959.37 juta pada bulan Julai - Disember tahun 2018. Peningkatan sebanyak RM3 097.19 juta iaitu 24.08%</p> <p><b>Thailand</b></p> <p>Nilai import dari Thailand pada bulan Julai - Disember 2017 adalah sebanyak RM11 952.73 juta dianggarkan meningkat kepada RM 12 120.39 juta pada bulan Julai - Disember tahun 2018. Peningkatan sebanyak RM167.66 juta iaitu 1.40%</p> <p><i>(pilih salah satu negara)</i></p>
4	<b>Langkah-langkah mengurangkan import</b> Mempelbagaikan hasil keluaran	Barang gantian import diperbanyakkan Perbanyakkan industri-industri ringan
5	Meningkatkan kualiti barangan	<input type="checkbox"/> Pengeluar produk tempatan perlu meningkatkan kualiti barangan mereka supaya dapat bersaing dengan produk luar negara <input type="checkbox"/>
6	Memastikan harga barangan yang kompetitif	<input type="checkbox"/> Sekiranya harga barangan lebih murah, masyarakat akan memilih barangan tempatan
7	Memajukan industri sokongan	<input type="checkbox"/> Melantik vendor untuk menghasilkan produk gantian import <input type="checkbox"/> Memberikan taraf perintis kepada syarikat yang memulakan operasi pengeluarannya
8	Menghadkan kuota untuk mengimport barangan	<input type="checkbox"/> Mengelakkan penawaran keluaran <b>import</b> secara berleluasa untuk melindungi industri yang sama di pasaran tempatan
9	Memberi insentif untuk menggalakkan usahawan tempatan	<input type="checkbox"/> Insentif fiskal dan kewangan diberi untuk menggalakkan usahawan tempatan menghasilkan produk yang berkualiti

10	Meningkatkan cukai/duti /tarif import/embargo/mengawal tukaran asing	<input type="checkbox"/> Kerajaan mengenakan pelbagai cara untuk mengurangkan/mengawal/menyekat import bagi melindungi barangan tempatan
11	Mengadakan kempen “Beli Barang Buatan Malaysia”	Memberi keutamaan kepada pengeluar tempatan, meningkatkan permintaan terhadap barangan tempatan, meningkatkan daya saing industri tempatan

**Penutup:**

Malaysia perlu mengurangkan pergantungan import dari negara luar bagi menyeimbangkan imbang dagangan negara ini.

**BAHAGIAN C:**

18.

**Pendahuluan :**

Malaysia mendukung kuat malah ada kalanya menjadi peneraju kepada pertumbuhan ASEAN. Namun, pertumbuhan ini juga menghadapi cabaran sama ada dari dalam mahupun dari luar ASEAN sendiri.

**Idea :**

**A. Cabaran dari dalam ASEAN**

1. Persaingan dalam pasaran komoditi
  - Dengan iklim dan cuaca yang sama, negara anggota ASEAN mengeluarkan produk pertanian yang sama seperti getah yang menjadi komoditi kepada banyak negara anggota ASEAN
  - Keadaan ini menjadikan negara anggota berusaha merebut pasaran yang sama pada peringkat antarabangsa
  - Tanpa kebijaksanaan pemimpin negara anggota, persaingan ini boleh mengeruhkan hubungan antara negara anggota
2. Sikap bertentangan negara anggota
  - Keputusan Singapura membenarkan kemudahan pangkalan ketenteraan kepada Amerika Syarikat bertentangan dengan dasar promosi ASEAN sebagai Kawasan Aman Bebas dan Berkecuali
  - Sokongan Singapura kepada Israel dalam isu Palestin
  - Singapura juga mendapat khidmat pakar ketenteraan Israel dalam mempersiapkan angkatan tenteranya
3. Ketidakstabilan politik dalaman sebilangan negara anggota
  - Konflik Selatan Thailand mengeruhkan hubungan antara negara anggota.
  - Konflik di Selatan Filipina juga berhadapan dengan pergolakan politik yang turut mengeruhkan hubungan dengan negara anggota yang lain.
  - Pelarian kaum Rohingya, Myanmar memasuki sempadan negara anggota yang lain turut mewujudkan ancaman kepada hubungan bernegara.
4. Tuntutan wilayah dua negara anggota
  - Singapura dengan Malaysia berhubung tuntutan ke atas Pulau Batu Putih telah diselesaikan dengan diberi penguasaan kepada Singapura namun 'kedaulatan' Pulau Pisang dalam sempadan Malaysia turut menjadi tanda Tanya
  - Pertindihan sempadan Indonesia dengan Malaysia melibatkan kawasan Pulau Ambalat di perairan Sulawesi hampir mencetuskan tragedi apabila kapal tentera dua negara hampir bergesel semasa membuat rondaan
  - Tuntutan ke atas sebahagian gugusan Kepulauan Spratly dan Paracel yang

menjadi rebutan antara China, Taiwan, Vietnam, Filipina, Brunei dan Malaysia

## **B. Cabaran dari luar ASEAN**

5. Kemunculan kumpulan ekonomi serantau
  - Kesatuan Eropah (EU) mengamalkan skim tariff dan mata wang yang sam (Euro) serta tidak menggalakkan pelaburan asing ke negara berkenaan
  - Amerika Syarikat, Kanada dan Mexico (NAFTA) merancang skim tariff yang sama
  - Kemunculan kumpulan ekonomi ini menjadikan ekonomi antara dua kumpulan negara akan lebih tertutup menjadi cabaran kepada memantapkan lagi kerjasama dalam kalangan negara anggota
6. Kegagalan Perjanjian Am tentang Tarif dan Perdagangan (GATT)
  - Rundingan Pusingan Uruguay yang bertujuan menghapuskan halangan perdagangan antara negara maju dengan negara membangun gagal dimuktamadkan
  - ASEAN perlu berhadapan dengan sekatan dan tariff yang berterusan oleh negara maju
  - Cabaran mendapatkan pasaran baharu yang lebih kompetitif
